

A photograph of the Dewan Undangan Negeri (State Legislative Assembly) building in George Town, Penang, showing its ornate facade and gates under a blue sky.

DEWAN UNDANGAN NEGERI

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PULAU PINANG

TAHUN 2018 SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2018
SIRI 3**

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**

KANDUNGAN

KANDUNGAN

**MUKA
SURAT**

PENDAHULUAN vii

**AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

1. Skim Pinjaman Harapan 1 - 3

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

2. PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. 2 - 3

PENUTUP 3 - 3

AKRONIM 4 - 3

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pula akan menyebabkan laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

- 1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;
- 1.2. Pengauditan Pematuhan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;
- 1.3. Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan
- 1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 3 ini hanya meliputi pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan, yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti di satu (1) agensi dan satu (1) syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pengauditan terhadap aktiviti agensi Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

3. Pada kebiasaananya, LKAN hanya dibentangkan sebanyak dua (2) siri sahaja bagi setiap tahun. Bagaimanapun untuk LKAN tahun 2018, JAN menerbitkan tiga (3) siri LKAN berikutan dengan penambahan bilangan pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan negeri untuk tahun 2018. Pada asalnya, LKAN Siri 3 ini dijadual untuk dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada bulan Mac 2020, dan setelah itu dibentangkan pula dalam sidang Dewan Undangan Negeri. Namun disebabkan oleh penangguhan sidang Dewan Rakyat dan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19, kerja-kerja pemuktamadan LKAN Siri 3 turut terjejas. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan audit dan *lessons learnt* yang dilaporkan LKAN Siri 3 ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program/aktiviti Kerajaan serta pengurusan syarikat Kerajaan.

4. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *Exit Conference* diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak sembilan (9) syor untuk diambil tindakan oleh agensi dan syarikat berkenaan.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan negeri. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan Kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai agensi dan syarikat Kerajaan negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai JAN yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
14 Mei 2020

1

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

- Skim Pinjaman Harapan

RINGKASAN EKSEKUTIF

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

SKIM PINJAMAN HARAPAN

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap program Skim Pinjaman Harapan (SPH) bagi tempoh tahun 2016 hingga 30 April 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program SPH.
- Prestasi program terbahagi kepada pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Pencapaian output program dinilai berdasarkan pencapaian pengeluaran pinjaman berbanding jumlah sasaran pengeluaran pinjaman tahunan. Pencapaian *outcome* dinilai berdasarkan kemampuan peminjam membuat bayaran balik pinjaman.
- Pengurusan program SPH meliputi empat (4) perkara iaitu kedudukan kewangan, permohonan SPH, bayaran balik dan tunggakan pinjaman serta simpanan.
- Semakan dijalankan terhadap rekod mengenai 115 (10.3%) daripada 1,113 pinjaman yang diluluskan pada tahun 2016 hingga bulan April 2019. Semakan juga dijalankan terhadap rekod berkaitan tunggakan bayaran balik pinjaman.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Matlamat SPH adalah menawarkan modal tambahan kepada peniaga dan penjaja kecil, menggalakkan budaya menabung dan mewujudkan rangkaian usahawan.
- SPH juga merupakan salah satu (1) inisiatif Kerajaan negeri untuk membantu peniaga dalam mengembangkan perniagaan dan mewujudkan rangkaian usahawan yang *operational*.
- Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada SPH telah diurus dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mewujudkan satu (1) sistem penyaluran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan bahawa program SPH telah mencapai objektif bagi menyalurkan modal yang mudah dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

a. Kelemahan pengurusan permohonan:

- maklumat pemohon yang direkodkan di dalam Borang PTSR (2) dan *Scoreboard* adalah kurang tepat. Ketidaktepatan ini memberi kesan kepada pemarkahan dan penilaian jumlah yang layak diluluskan kepada pemohon tersebut;
- permohonan tidak mematuhi syarat kelayakan pinjaman SPH tetapi telah diluluskan pinjaman oleh PDC; dan
- permohonan diterima sebelum 4 Disember 2018 telah mengambil masa antara 18 hingga 262 hari untuk diproses/diluluskan/dikeluarkan pinjaman.

b. Kelemahan pengurusan bayaran balik dan tunggakan bayaran balik pinjaman:

- pada tahun 2016 dan 2018, peratus bayaran balik hanya mencapai 75.5% dan 87.2% masing-masing iaitu di bawah sasaran 90% yang ditetapkan;
- tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat setiap tahun. Secara keseluruhan, seramai 862 peminjam mempunyai tunggakan berjumlah RM2.49 juta dengan tempoh tunggakan antara satu (1) hari hingga melebihi 180 hari; dan
- surat peringatan tidak dikeluarkan kepada peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman.

c. Kelemahan pengurusan simpanan:

- simpanan keseluruhan peminjam berjumlah RM1.19 juta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah yang sepatutnya dipulangkan kepada peminjam yang telah tamat tempoh pinjaman kerana data mengenainya tidak dapat dijana secara terus daripada sistem *Information for Competitive Advantage* (IFCA); dan
- seramai 26 (65%) daripada 40 peminjam telah tamat tempoh pinjaman dan selesai membuat pembayaran tetapi sehingga 30 April 2019, simpanan berjumlah RM38,500 masih belum dipulangkan. Tempoh simpanan yang belum dipulangkan adalah antara tujuh (7) hingga 791 hari.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

1. SKIM PINJAMAN HARAPAN

FAKTA UTAMA

Tahun 2009	RM11 Juta	5 Kategori Pinjaman
Pinjaman mikro kredit diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui usahasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Universiti Sains Malaysia (USM)	Pembentangan bersama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDC	Jumlah pinjaman minimum RM1,000 sehingga maksimum RM25,000
Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)	PDC telah mengambil alih sepenuhnya pengurusan PTSR daripada USM pada bulan Disember 2010.	
Skim Pinjaman Harapan (SPH)	Penjenamaan semula telah dilancarkan pada 13 Oktober 2018.	
Objektif SPH	Membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil.	
Jawatankuasa Pemantauan SPH	Dipengerusikan oleh YB Timbalan Ketua Menteri (1) yang membuat keputusan dan menentukan hala tuju SPH.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mewujudkan satu inisiatif pinjaman mikro kredit mulai tahun 2009 yang dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) hasil kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM).

Pada bulan Disember 2010, PDC telah mengambil alih sepenuhnya pengurusan PTSR daripada USM dan melaksanakan penambahaikan terhadap skim pinjaman mikro kredit tersebut.

1.2. Penjenamaan semula PTSR telah dilancarkan pada 13 Oktober 2018 dan dikenali sebagai Skim Pinjaman Harapan (SPH). Objektif SPH adalah membantu mewujudkan satu (1) sistem penyaluran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil. Matlamat SPH adalah menawarkan modal tambahan kepada usahawan, menggalakkan budaya menabung dan mewujudkan rangkaian usahawan. Pemohon yang berminat menyertai skim ini boleh mengemukakan borang permohonan terus ke Bahagian Pembangunan Usahawan PDC. Selain itu, permohonan juga boleh dikemukakan melalui pegawai SPH yang ditugaskan membuat kutipan bayaran balik pinjaman di premis perniagaan.

1.3. Skim ini disalurkan kepada penjaja dan peniaga kecil tanpa cagaran dan penjamin. Caj perkhidmatan bagi pinjaman tahun pertama dikecualikan manakala bagi tahun kedua dan pinjaman seterusnya dikenakan caj perkhidmatan 8% setahun. SPH dibahagikan kepada lima (5) kategori pinjaman dengan jumlah pinjaman minimum

RM1,000 hingga maksimum RM25,000 dan tempoh bayaran balik antara satu (1) hingga tiga (3) tahun. Kategori SPH seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KATEGORI HAD PINJAMAN

KATEGORI	HAD PINJAMAN	
	SEBELUM 13 OKTOBER 2018 (PTSR)	MULAI 13 OKTOBER 2018 (SPH)
Pertama	Maksimum RM6,000	RM1,000 - RM5,000
Kedua	Maksimum RM8,000	RM6,000 - RM10,000
Ketiga	Maksimum RM15,000	RM11,000 - RM15,000
Keempat	Maksimum RM20,000	RM16,000 - RM20,000
Kelima	Tidak Berkaitan	RM21,000 - RM25,000

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

1.4. Jawatankuasa Pemantauan SPH yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Ketua Menteri (1) Pulau Pinang, bertanggungjawab untuk membuat keputusan dan menentukan hala tuju serta perubahan ke atas dasar, struktur, proses kerja dan fungsi agar selari dengan objektif penubuhan SPH. Pemantauan pengurusan SPH dilaksanakan melalui mesyuarat yang diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun. Selain itu, Jawatankuasa Kelulusan SPH yang dipengerusikan oleh Pengurus Kanan Bahagian Pembangunan Usahawan PDC pula bertanggungjawab untuk menimbang seterusnya meluluskan atau menolak permohonan pinjaman.

1.5. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2015, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDC telah memperuntukkan sejumlah RM11 juta bagi tujuan membantu penjaja dan peniaga kecil dalam bidang perniagaan. Butiran lanjut berkaitan jumlah peruntukan seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PERUNTUKAN DANA YANG DITERIMA BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2015

TAHUN	KERAJAAN NEGERI (RM Juta)	PDC (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
2008	0.5	0.5	1.0
2009	1.0	1.0	2.0
2013	2.0	2.0	4.0
2014	1.0	1.0	2.0
2015	1.0	1.0	2.0
JUMLAH	5.5	5.5	11.0

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Nota: Tahun 2010 hingga 2012 - Tiada dana diterima

Tahun 2016 hingga 30 April 2019 - Tiada dana diterima

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada SPH telah diurus dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu mewujudkan satu (1) sistem penyaluran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan SPH bagi tempoh tahun 2016 hingga 30 April 2019. Prestasi program dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan program meliputi empat (4) perkara iaitu pencapaian kewangan, permohonan SPH, bayaran balik dan tunggakan pinjaman serta simpanan. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pembangunan Usahawan, PDC.

3.2. Pemilihan sampel adalah secara rawak mengikut daerah dan berasaskan kepada penilaian risiko yang meliputi kelemahan prosedur dan perekodan, peningkatan nilai tunggakan serta kelemahan lain yang boleh menjelaskan pencapaian objektif program. Bilangan keseluruhan peminjam dari tahun 2016 sehingga 30 April 2019 adalah seramai 1,113 peminjam melibatkan lima (5) daerah di Negeri Pulau Pinang iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS), Timur Laut (TL) dan Barat Daya (BD). Pemilihan sampel melibatkan kategori peminjam baru dan peminjam yang berulang.

3.3. Pengauditan ini melibatkan semakan terhadap 115 (10.3%) daripada 1,113 fail peminjam. Bagi menilai pengurusan program, lawatan ke 50 lokasi perniagaan/rumah kediaman peminjam telah dijalankan bagi mengesahkan perniagaan yang dilaksanakan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BILANGAN SAMPEL PEMINJAM DAN SAMPEL LAWATAN MENGIKUT DAERAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 30 APRIL 2019

PERKARA	BILANGAN PEMINJAM MENGIKUT DAERAH					JUMLAH
	SPU	SPT	SPS	TL	BD	
Populasi Peniaga Yang Menerima Pinjaman	170	165	202	227	349	1,113
Sampel Semakan Audit	18	20	18	24	35	115
Peratus Sampel (%)	10.6	12.1	8.9	10.6	10.0	10.3
Sampel Lawatan Tapak	7	10	6	15	12	50
Peratus Sampel (%)	38.9	50.0	33.3	62.5	34.3	43.5

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI PENG AUDITAN

Peng auditan dijalankan dengan menyemak fail dan minit mesyuarat, menganalisis rekod kewangan dan permohonan peminjam serta pengesahan jumlah lebih/tunggakan pinjaman. Selain itu, lawatan ke premis perniagaan peminjam dan rumah kediaman telah diadakan bersama pegawai daripada Bahagian Pembangunan Usahawan PDC. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan penjelasan lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Peng auditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Julai 2019 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Program Skim Pinjaman Harapan

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan pengeluaran pinjaman SPH adalah cekap berdasarkan kepada pencapaian pengeluaran pinjaman iaitu melebihi 90% daripada jumlah yang disasarkan. Di samping itu, PDC berjaya meningkatkan jumlah pengeluaran pinjaman daripada RM2.07 juta kepada RM2.72 juta bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Pencapaian *outcome* pula menunjukkan seramai 73 (63.5%) daripada 115 peminjam iaitu penjaja dan peniaga kecil telah mendapat modal tambahan dan berjaya membuat bayaran balik pinjaman serta menabung simpanan dalam tempoh pinjaman.

b. Pengurusan Program Skim Pinjaman Harapan

Pengurusan program SPH secara keseluruhannya tidak dilaksanakan dengan cekap dari aspek penyemakan kelayakan peminjam, kelewatan proses kelulusan pinjaman dan penyediaan dokumen perjanjian yang tidak lengkap. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan tunggakan bayaran balik pinjaman serta pemulangan simpanan kepada peminjam.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dalam peng auditan ini adalah seperti berikut:

- a. seramai 862 peminjam mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman antara satu (1) hari hingga melebihi 180 hari dengan tunggakan keseluruhan berjumlah RM2.49 juta; dan
- b. pada 30 April 2019, simpanan keseluruhan peminjam adalah berjumlah RM1.19 juta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah yang sepatutnya dipulangkan kepada peminjam yang telah tamat tempoh pinjaman

kerana data mengenainya tidak dapat dijana secara terus daripada sistem *Information for Competitive Advantage* (IFCA).

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas PDC telah dibincangkan semasa *Exit Conference* pada 14 Oktober 2019. Maklum balas terkini telah diterima pada 6 Januari 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program Skim Pinjaman Harapan

6.1.1. Pencapaian Output

a. Pencapaian Pengeluaran Pinjaman

- i. Bahagian Pembangunan Usahawan PDC telah menetapkan jumlah sasaran pengeluaran pinjaman secara tahunan dan pencapaian minimum sebanyak 90% daripada jumlah yang disasarkan. Sasaran ini direkodkan dalam *Balance Score Card* (BSC) Bahagian Pembangunan Usahawan PDC. Jumlah sasaran tersebut akan dikemaskini mengikut tahun dan menjadi *Key Performance Indicator* (KPI) yang perlu dicapai oleh Bahagian Pembangunan Usahawan PDC.
- ii. Semakan Audit terhadap *PTSR Application Cycle Time Monitoring* yang direkodkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan PDC mendapati sebanyak 908 permohonan telah diterima bagi tempoh tahun 2017 hingga 30 April 2019. Semakan selanjutnya mendapati **daripada 908 permohonan tersebut sebanyak 697 (76.8%) permohonan telah diluluskan, sebanyak 196 (21.6%) permohonan telah ditolak dan sebanyak 15 (1.6%) permohonan telah ditarik balik/ditukarkan kepada pinjaman lain.**
- iii. Seterusnya bagi tahun 2016, pihak PDC tidak dapat memberikan maklumat berkaitan bilangan dan status permohonan kerana pegawai yang bertanggungjawab menyelenggara rekod pada tahun tersebut tidak menyerahkan rekod berkenaan sebelum beliau berhenti kerja. Selain itu, rekod *PTSR Application Cycle Time Monitoring* juga tidak lengkap kerana kerani SPH hanya merekod permohonan yang diterima di pejabat. Manakala permohonan yang diterima di luar pejabat melalui pegawai SPH tidak

direkodkan. Maklumat berkenaan bilangan dan status permohonan pinjaman SPH bagi tempoh tahun 2016 hingga 30 April 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4.**

JADUAL 4
BILANGAN DAN STATUS PERMOHONAN PINJAMAN SPH
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 30 APRIL 2019

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN					
		LULUS	(%)	GAGAL	(%)	LAIN-LAIN*	(%)
2016	TM	TM					
2017	312	228	73.1	78	25.0	6	1.9
2018	421	324	77.0	93	22.1	4	0.9
2019 (Sehingga 30 April)	175	145	82.9	25	14.3	5	2.8
JUMLAH	908	697	76.8	196	21.6	15	1.6

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Nota: (TM) - Tiada Maklumat

(*) Lain-lain - Tarik diri/Dalam proses/Ditukarkan kepada pinjaman lain

- iv. Hasil temu bual bersama pegawai SPH, pihak Audit dimaklumkan antara faktor yang menyebabkan permohonan ditolak adalah kerana tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Permohonan juga ditolak jika pemohon mempunyai rekod tunggakan dan kewujudan perniagaan pemohon diragui hasil siasatan/lawatan penyelia SPH ke premis perniagaan.
- v. Pada tahun 2016, PDC telah mensasarkan pengeluaran pinjaman berjumlah RM2 juta. Pada tahun 2017 pula, sasaran yang ditetapkan adalah berjumlah RM2.5 juta dan jumlah tersebut telah diturunkan kepada RM2.1 juta. Pada tahun 2018 dan 2019, jumlah sasaran pengeluaran pinjaman telah dinaikkan masing-masing kepada RM3 juta. Berdasarkan Laporan Baki Hutang Pinjaman, prestasi pengeluaran pinjaman adalah melebihi 90% daripada sasaran pengeluaran dan telah mencapai sasaran output yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.**

JADUAL 5
SASARAN PENGELUARAN BERBANDING PENCAPAIAN PENGELUARAN PINJAMAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 30 APRIL 2019

TAHUN	SASARAN PENGELUARAN (RM Juta)		PENCAPAIAN PENGELUARAN		
	AWAL	KAJI SEMULA	(RM Juta)	BILANGAN PEMINJAM	(%)
2016	2.0	TB	2.07	350	103.5
2017	2.5	2.1	2.15	322	102.4
2018	3.0	TB	2.72	339	90.7
Sehingga 30 April 2019	3.0	TB	0.70	102	23.3

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Nota: (TB) – Tidak Berkaitan

Maklum balas PDC yang diterima pada 20 September 2019 dan 17 Oktober 2019

Pihak pengurusan SPH telah mengambil langkah penambahbaikan dengan menyimpan maklumat penerimaan baru di dalam *google drive* dan boleh dikongsi dengan staf yang dipertanggungjawabkan iaitu Ketua Bahagian, Eksekutif dan kerani. Maklumat bagi tahun 2016 telah disimpan dalam pemacu pena (*thumbdrive*). Bagaimanapun, maklumat tersebut telah rosak (*corrupted*) dan tidak dapat dibaca. Maklumat disimpan dalam *cloud* mulai bulan Oktober 2019 dan boleh diakses pada bila-bila masa.

Pihak Pengurusan SPH mengambil maklum mengenai teguran Audit bahawa tiada ringkasan maklumat disediakan bagi permohonan yang berjaya dan gagal. Pihak Pengurusan SPH telah melakukan penambahbaikan dengan menyediakan ringkasan laporan permohonan peminjam mulai bulan Jun 2017 dan disimpan menggunakan perisian *Microsoft One Drive*.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran pinjaman SPH adalah cekap kerana telah berjaya mencapai pengeluaran melebihi 90% daripada sasaran pengeluaran pinjaman yang telah ditetapkan.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Bilangan 2 Tahun 2010 menetapkan objektif program SPH adalah untuk mewujudkan satu (1) sistem penyaluran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil. Matlamat PTSR adalah menawarkan modal tambahan kepada usahawan, menggalakkan budaya menabung dan mewujudkan rangkaian usahawan.
- b. Objektif baru telah ditetapkan selaras dengan penjenamaan semula kepada SPH pada 13 Oktober 2018. Objektif baru tersebut adalah menawarkan modal tambahan kepada penjaja dan peniaga kecil, mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat melalui pinjaman perniagaan, memperkuatkkan keupayaan pengurusan peniaga kecil, menggalakkan budaya menabung di kalangan penjaja dan peniaga kecil serta mewujudkan rangkaian usahawan yang *operational*. Namun begitu objektif baru ini masih belum dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Skim Pinjaman Harapan.
- c. Semakan Audit terhadap **115 sampel fail peminjam dan Statement Of Account mendapati seramai 73 (63.5%) peminjam telah berjaya membuat bayaran balik pinjaman manakala 42 (36.5%)**

peminjam mempunyai tunggakan. Selain itu, matlamat SPH untuk membantu penjaja dan peniaga kecil mendapatkan modal tambahan melalui pinjaman pertama dan seterusnya serta menabung simpanan dalam tempoh pinjaman adalah tercapai. Butirannya seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PEMINJAM YANG BERJAYA DAN PEMINJAM YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN
BAYARAN BALIK PINJAMAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 30 APRIL 2019

BIL.	TAHUN	PENCAPAIAN	KATEGORI PINJAMAN					JUMLAH	
			PERTAMA	KEDUA	KETIGA	KEEMPAT	KELIMA		
1.	2016	Berjaya	15	3	4	2	0	24	
		Gagal	5	2	8	0	0	15	
2.	2017	Berjaya	11	7	2	3	0	23	
		Gagal	1	4	2	2	0	9	
3.	2018	Berjaya	8	2	3	3	2	18	
		Gagal	5	3	6	2	0	16	
4.	Sehingga 30 April 2019	Berjaya	2	3	1	2	0	8	
		Gagal	1	1	0	0	0	2	
JUMLAH		Berjaya	36	15	10	10	2	73	
JUMLAH BESAR		Gagal	12	10	16	4	0	42	
JUMLAH BESAR			48	25	26	14	2	115	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Berjaya - Pinjaman telah dibayar balik sepenuhnya

Gagal - Mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman

Maklum balas PDC yang diterima pada 20 September 2019 dan 17 Oktober 2019

PDC mengambil maklum teguran Audit dan objektif SPH yang baru telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bilangan 2 Tahun 2019 yang diadakan pada 15 Oktober 2019.

Pada pendapat Audit, matlamat membantu penjaja dan peniaga kecil memperoleh modal tambahan melalui program SPH telah tercapai. Bagaimanapun, kemampuan peminjam membuat bayaran balik pinjaman adalah rendah kerana hanya 73 (63.5%) daripada 115 peminjam telah membuat bayaran balik pinjaman sepenuhnya manakala 42 (36.5%) peminjam mempunyai tunggakan.

6.2. Pengurusan Skim Pinjaman Harapan

6.2.1. Kedudukan Kewangan

Melalui konsep pembiayaan bersama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDC bagi menjayakan program ini, peruntukan telah diberikan secara berperingkat oleh

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDC. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2015, SPH telah menerima peruntukan berjumlah RM11 juta. Dana SPH adalah berbentuk *revolving fund* dan mulai tahun 2016 tiada dana baru diterima. Pengeluaran, bayaran balik pinjaman dan baki dana SPH pada tahun 2016 hingga 30 April 2019 adalah seperti dalam **Jadual 7**. Secara keseluruhannya baki dana SPH pada 30 April 2019 adalah berjumlah RM9.62 juta.

JADUAL 7
BAKI DANA, PENGELUARAN DAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 30 APRIL 2019

TAHUN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	SEHINGGA 30 APRIL 2019 (RM Juta)
Baki Awal pada 1 Januari	9.67	8.83	9.46	9.39
Dana Diterima	0	0	0	0
Jumlah Pengeluaran Pinjaman	2.07	2.15	2.72	0.70
Jumlah Bayaran Balik Pinjaman	1.23	2.78	2.65	0.93
Baki Akhir	8.83	9.46	9.39	9.62


Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan SPH adalah kukuh kerana SPH masih mempunyai baki dana berjumlah RM9.62 juta pada 30 April 2019.

6.2.2. Pengurusan Permohonan SPH

- a. Garis Panduan Untuk Prosedur Pengeluaran dan Manual Prosedur Kerja menetapkan proses kelulusan permohonan pinjaman seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
PROSES KELULUSAN PERMOHONAN PINJAMAN SPH



Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

- b. Mengikut Manual Prosedur Kerja, permohonan pinjaman SPH hendaklah dibuat melalui Bahagian Pembangunan Usahawan PDC dengan mengisi borang permohonan dan menyertakan dokumen sokongan yang lengkap. Bagi permohonan yang memenuhi syarat, pegawai SPH akan membuat temu janji dan mengadakan lawatan ke premis perniagaan pemohon untuk siasatan.
- c. Pegawai SPH akan mengisi maklumat siasatan menggunakan Borang PTSR (2) dan seterusnya pegawai berkenaan akan menyediakan borang kredit (*Scoreboard*) berdasarkan maklumat di Borang PTSR (2) dan dokumen sokongan yang disertakan bersama borang permohonan. *Scoreboard* ini akan dinilai semula oleh penyelia sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kelulusan SPH yang akan membuat pertimbangan sama ada permohonan tersebut layak diluluskan. Bayaran kepada peminjam akan dibuat selepas mendapat kelulusan Jawatankuasa tersebut.
- d. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan SPH Bilangan 2 Tahun 2018 pada 4 Disember 2018 telah bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan Jawatankuasa Kelulusan SPH. Proses kelulusan baru dibuat di peringkat SPH yang diketuai oleh Pengurus Kanan Bahagian Pembangunan Usahawan. Penilaian permohonan tersebut dipertanggungjawabkan kepada penyelia dan disemak oleh Eksekutif SPH seterusnya disyorkan kepada Pengurus Kanan. Pemansuhan ini disebabkan Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan perlu diadakan setiap minggu dengan kehadiran sekurang-kurangnya tiga (3) daripada empat (4) orang ahli dan kebanyakan mesyuarat terpaksa ditangguhkan disebabkan kehadiran ahli tidak mencukupi dan memberi impak kepada tempoh pemprosesan pinjaman.
- e. Garis Panduan Prosedur Pengeluaran Pinjaman menetapkan syarat kelayakan permohonan dan dokumen sokongan yang perlu disertakan bersama borang permohonan seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN DAN DOKUMEN SOKONGAN SPH

SYARAT KELAYAKAN	DOKUMEN SOKONGAN
Warganegara Malaysia berumur antara 18 hingga 60 tahun	Gambar pemohon
Berniaga di Pulau Pinang	Salinan kad pengenalan pemohon dan rujukan (Bukan saudara mala)
Mempunyai tempat perniagaan	Salinan sijil pendaftaran perniagaan SSM, gambar perniagaan dan lakaran pelan lokasi premis perniagaan dan rumah.
Mempunyai lesen perniagaan	Penyata bank untuk satu (1) bulan terkini

SYARAT KELAYAKAN	DOKUMEN SOKONGAN
Rekod pinjaman terdahulu yang bersih	Salinan bil elektrik dan air terkini
Satu pinjaman untuk seisi rumah atau pun rakan kongsi	Sebut harga daripada pembekal (Bagi peralatan/barangan perniagaan)
Nama tidak disenaraihitamkan (CTOS)	TB
Pengundi di Pulau Pinang (Syarat tambahan mulai 14 September 2017)	TB

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Nota: (TB) – Tidak Berkaitan

- f. Semakan Audit terhadap 115 sampel fail peminjam dengan jumlah pinjaman RM1.13 juta serta lawatan Audit ke 50 premis perniagaan dan kediaman peminjam mendapatkan perkara berikut:

i. Penyediaan Borang PTSR (2) dan *Scoreboard*

- Semakan Audit mendapati **maklumat pemohon yang direkodkan di dalam 24 Borang PTSR (2) dan Scoreboard adalah kurang tepat** seperti dalam **Jadual 9**. Ketidaktepatan ini memberi kesan kepada pemarkahan dan penilaian jumlah pinjaman yang layak diluluskan kepada pemohon tersebut.

JADUAL 9
MAKLUMAT DI BORANG PTSR (2) DAN SCOREBOARD YANG TIDAK TEPAT

BIL.	TAHUN	JUMLAH PINJAMAN DILULUSKAN (RM)	NOMBOR KAD PENGENALAN	MAKLUMAT DIISI TIDAK TEPAT
1.	2016	2,000	660217-07-XXXX	• Lesen/Perniagaan belum mencapai 12 bulan.
2.	2016	10,000	830618-07-XXXX	• Pemohon tidak mempunyai rumah tetapi direkodkan sebagai mempunyai rumah sendiri bernilai RM110,000 di Borang PTSR (2).
3.	2016	3,000	750423-07-XXXX	• Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i> .
4.	2016	4,000	770612-08-XXXX	• Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i> .
5.	2016	3,000	730213-11-XXXX	• Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i> . • Pemohon tidak mempunyai rumah tetapi rumah yang disewa bernilai RM50,000 direkodkan sebagai rumah sendiri di Borang PTSR (2).
6.	2016	4,000	750110-09-XXXX	• Jenis perniagaan adalah perkongsian tetapi direkodkan sebagai perseorangan di <i>Scoreboard</i> . • Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i> .
7.	2016	10,000	680103-08-XXXX	• Pemohon tidak mempunyai rumah tetapi direkodkan mempunyai rumah sendiri di Borang PTSR (2).
8.	2016	5,000	600406-07-XXXX	• Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i> .
9.	2016	4,000	871214-35-XXXX	• Bil air mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i> .

BIL.	TAHUN	JUMLAH PINJAMAN DILULUSKAN (RM)	NOMBOR KAD PENGENALAN	MAKLUMAT DIISI TIDAK TEPAT
10.	2017	20,000	790629-07-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>. Pemohon tidak mempunyai rumah tetapi direkodkan mempunyai rumah sendiri di Borang PTSR (2).
11.	2017	4,000	770823-07-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.
12.	2017	13,000	821017-07-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Pemohon tidak mempunyai rumah tetapi direkodkan mempunyai rumah sendiri bernilai RM100,000 di Borang PTSR (2).
13.	2017	6,000	680828-02-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.
14.	2018	10,000	810911-07-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Pemohon tidak mempunyai rumah tetapi direkodkan mempunyai rumah sendiri bernilai RM500,000 di Borang PTSR (2). Bilangan isi rumah pemohon melebihi 7 orang tetapi di <i>Scoreboard</i> bilangan isi rumah direkodkan kurang daripada 4 orang.
15.	2018	6,000	871228-02-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik/air mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.
16.	2018	10,000	750718-08-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.
17.	2018	10,000	960404-07-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.
18.	2018	10,000	890204-07-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.
19.	2018	10,000	770701-02-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.
20.	2018	4,000	910523-02-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.
21.	2018	5,000	930120-07-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Pemohon tidak mempunyai rumah tetapi direkodkan mempunyai rumah sendiri bernilai RM170,000 di Borang PTSR (2).
22.	2019	5,000	890817-07-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.
23.	2019	8,000	611008-07-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.
24.	2019	15,000	650204-08-XXXX	<ul style="list-style-type: none"> Bil air mempunyai tunggakan tetapi dilaporkan sebagai tiada tunggakan di <i>Scoreboard</i>.

Sumber: Jabatan Audit Negara

- Semakan Audit selanjutnya mendapati dokumen *Scoreboard* tidak difailkan di dalam fail permohonan bagi 33 (28.7%) peminjam dengan pinjaman berjumlah RM380,000. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10 **DOKUMEN SCOREBOARD TIDAK DIFAILKAN DI DALAM FAIL PERMOHONAN**

BIL.	TAHUN PINJAMAN	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)
1.	2016	21	236,000
2.	2017	12	144,000
JUMLAH		33	380,000

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas PDC yang diterima pada 20 September 2019 dan 17 Oktober 2019

Maklumat dari Borang PTSR (2) hanya berdasarkan temuduga bersama peminjam tanpa diminta bukti pada masa tersebut. Pihak pengurusan SPH mengambil maklum tentang kelemahan ini dan akan membuat penambahbaikan berkaitan maklumat ini. Kelulusan pinjaman tahun 2016 hingga 2018 adalah berdasarkan borang penyata yang disediakan oleh pegawai SPH.

Pihak Pengurusan telah mengeluarkan surat amaran terhadap pegawai SPH yang terlibat. Senarai semak perlu dipatuhi sepenuhnya oleh pegawai bertugas. Borang *scoreboard* bagi 33 kes yang dinyatakan telah difailkan.

ii. Syarat Kelayakan SPH

- Semakan Audit mendapati **11 (9.6%) daripada 115 permohonan tidak memenuhi syarat kelayakan pinjaman SPH tetapi telah diluluskan pinjaman oleh PDC.** Seramai dua (2) pemohon tidak mempunyai lesen perniagaan, satu (1) tidak bermiaga di Pulau Pinang dan satu (1) disenaraihitamkan oleh *Credit Tip-Off Service* (CTOS). Manakala tujuh (7) pemohon lagi bukan pengundi di Pulau Pinang/tiada dalam daftar pengundi berdasarkan semakan pihak Audit melalui sistem Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Butiran permohonan yang tidak memenuhi syarat kelayakan pinjaman SPH adalah seperti dalam **Jadual 11.**

**JADUAL 11
PERMOHONAN YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN PINJAMAN SPH**

BIL.	DAERAH	NOMBOR KAD PENGENALAN	TAHUN PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)	CATATAN
1.	BD	950910-07-XXXX	2016	6,000	<u>Tidak Mempunyai Lesen Perniagaan</u> • Peminjam bukan pemilik syarikat semasa permohonan dibuat pada 23.08.2016. • Pinjaman diluluskan pada 26.08.2016 dan tarikh sebenar pemohon menjadi rakan kongsi perniagaan tersebut adalah pada 20.10.2016.
2.	SPS	730213-11-XXXX	2016	3,000	<u>Nama Disenaraihitamkan</u> Nama telah disenaraihitamkan oleh AEON Credit Service (M) Sdn. Bhd.
3.	SPU	870325-02-XXXX	2016	15,000	<u>Tidak Mempunyai Lesen Perniagaan</u> • Tiada daftar perniagaan SSM. • Mengemukakan salinan SSM milik orang lain (bapa).
4.	SPU	970919-01-XXXX	2017	6,000	<u>Bukan Pengundi Pulau Pinang</u> Rekod pendaftaran dalam sistem SPR tidak ditemui.

BIL.	DAERAH	NOMBOR KAD PENGENALAN	TAHUN PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)	CATATAN
5.	SPS	770612-08-XXXX	2017	10,000	<u>Bukan Pengundi Pulau Pinang</u> Pengundi di Taman Sentosa/Bukit Kelian/Selama/Larut/Perak.
6.	SPS	910523-02-XXXX	2018	4,000	<u>Bukan Pengundi Pulau Pinang</u> Rekod pendaftaran dalam sistem SPR tidak ditemui.
7.	BD	870514-09-XXXX	2018 (Januari)	6,000	<u>Bukan Pengundi Pulau Pinang</u> Pengundi di Hutan Lembah/Hutan Temin/Mata Ayer/Padang Besar/Perlis.
			2018 (Oktober)	10,000	
8.	TL	900128-14-XXXX	2018	15,000	Rekod pendaftaran dalam sistem SPR tidak ditemui.
9.	SPT	750718-08-XXXX	2018	10,000	<u>Bukan Pengundi Pulau Pinang</u> Pengundi di Padang Serai/Lunas/Kedah.
10.	SPT	960404-07-XXXX	2018	10,000	<u>Tidak Berniaga Di Pulau Pinang</u> Berniaga di Ipoh, Perak. Alamat perniagaan yang dinyatakan di borang permohonan adalah alamat rumah milik ahli keluarga.
11.	SPS	770701-02-XXXX	2018	10,000	<u>Bukan Pengundi Pulau Pinang</u> Pengundi di Kg Padang Kupang/ Kampung Padang/Kupang/Baling Kedah.
JUMLAH				105,000	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas PDC yang diterima pada 20 September 2019 dan 17 Oktober 2019

PDC mengambil maklum dan akan memastikan permohonan diteliti supaya syarat kelayakan pinjaman dipatuhi bagi setiap permohonan SPH.

Pihak Pengurusan mengambil maklum dan teguran telah dibuat kepada pegawai terlibat supaya mematuhi syarat kelayakan dan memaklumkan kepada Jawatankuasa Kelulusan jika terdapat kes khas yang perlu diluluskan berdasarkan cadangan penyelia.

Pada pendapat Audit, semakan terhadap pematuhan syarat kelayakan SPH adalah tidak cekap kerana terdapat pemohon yang tidak memenuhi syarat kelayakan telah diluluskan SPH. Semakan yang tidak terperinci terhadap borang permohonan telah membuka ruang kepada ketidaktepatan markah dan penilaian jumlah pinjaman yang layak diluluskan.

iii. Kelulusan Pinjaman

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan SPH Bilangan 2 Tahun 2018 pada 4 Disember 2018 menetapkan tempoh kelulusan pinjaman ialah 30 hari

bermula daripada tarikh borang permohonan lengkap diterima sehingga bayaran dibuat kepada peminjam. Sebelum mesyuarat tersebut, tiada sasaran tempoh kelulusan ditetapkan oleh PDC. Semakan Audit terhadap 108 sampel permohonan pinjaman yang diterima pada tahun 2016 hingga 3 Disember 2018 dan sebanyak tujuh (7) sampel permohonan pinjaman yang diterima bermula pada 4 Disember 2018 mendapati perkara seperti berikut:

- ***108 permohonan yang diterima sebelum 4 Disember 2018 telah mengambil masa antara 18 hingga 262 hari untuk diproses/diluluskan/dikeluarkan pinjaman.*** Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
TEMPOH PENGELOUARAN PINJAMAN

BIL	TEMPOH PENGELOUARAN PINJAMAN (Hari)	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)
1.	18 hingga 30	9	136,000
2.	31 - 60	63	632,000
3.	61 - 90	28	240,000
4.	91 -120	5	33,000
5.	121 hingga 262	3	12,000
JUMLAH		108	1,053,000

Sumber: Jabatan Audit Negara

- Analisis Audit selanjutnya terhadap 108 kelulusan pinjaman mendapati perkara berikut:
 - Sembilan (9) permohonan telah diproses kurang daripada 30 hari dan diluluskan pinjaman berjumlah RM136,000;
 - 63 permohonan telah mengambil masa antara 31 hingga 60 hari untuk diproses melibatkan pinjaman berjumlah RM632,000;
 - 28 permohonan mengambil masa antara 61 hingga 90 hari untuk diproses melibatkan pinjaman berjumlah RM240,000;
 - Lima (5) permohonan pinjaman berjumlah RM33,000 telah diproses antara 91 hingga 120 hari; dan
 - Tiga (3) permohonan diproses melebihi 121 hari dengan pinjaman berjumlah RM12,000.

- **Sebahagian permohonan mengambil masa untuk diluluskan antaranya disebabkan Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan SPH yang dijadualkan setiap minggu tidak dapat diadakan.** Dengan ini, permohonan pinjaman tidak dapat dibincang dan diluluskan dalam mesyuarat yang telah dijadualkan.
- Selain itu, analisis Audit mendapati sebanyak empat (4) daripada tujuh (7) permohonan yang diterima selepas 3 Disember 2018 telah lewat diproses/diluluskan/dikeluarkan pinjaman kepada pemohon antara lima (5) hingga 21 hari. Butirannya seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
KELEWATAN KELULUSAN DAN PENGELOUARAN PINJAMAN
SELEPAS 3 DISEMBER 2018

BIL.	NOMBOR KAD PENGENALAN	TARIKH BORANG DITERIMA	TARIKH EFT	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
1.	650204-08-XXXX	15.01.2019	07.03.2019	21
2.	740323-07-XXXX	17.01.2019	28.02.2019	12
3.	890817-07-XXXX	10.01.2019	19.02.2019	10
4.	860824-35-XXXX	31.01.2019	07.03.2019	5

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas PDC yang diterima pada 20 September 2019 dan 17 Oktober 2019

Sebelum 2018 tiada tempoh ditetapkan, namun penambahbaikan telah dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bilangan 2 Tahun 2018 yang diadakan pada 4 Disember 2018. PDC telah menetapkan tempoh kelulusan kepada 30 hari bekerja dan memansuhkan Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan.

iv. Dokumen Perjanjian Pinjaman

Manual Prosedur Kerja menyatakan selepas penerimaan tawaran pinjaman, pemohon dikehendaki menandatangani perjanjian pinjaman. Perjanjian yang telah ditandatangani akan diuruskan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan untuk proses mematikan setem. Perjanjian pinjaman ini memberi kuasa kepada PDC untuk mengambil tindakan kepada peminjam yang tidak mematuhi syarat perjanjian berkenaan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

- **41 dokumen perjanjian pinjaman SPH melibatkan pinjaman berjumlah RM384,000 tidak dicatatkan tarikh perjanjian ditandatangani** (merujuk kepada Seksyen 1 Jadual Pertama Perjanjian Pinjaman SPH). Butirannya seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
TARIKH PERJANJIAN DITANDATANGANI
TIDAK DICATAT DALAM DOKUMEN PERJANJIAN

BIL.	TAHUN PINJAMAN	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)
1.	2016	18	148,000
2.	2017	15	143,000
3.	2019	8	93,000
JUMLAH		41	384,000

Sumber: Jabatan Audit Negara

- Semakan lanjut Audit mendapati **bayaran berjumlah RM655,000 telah dibuat kepada 60 peminjam lebih awal daripada tarikh dokumen perjanjian pinjaman ditandatangani iaitu antara 18 hingga 131 hari**. Butirannya seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PENGELUARAN PINJAMAN LEBIH AWAL DARIPADA TARIKH
DOKUMEN PERJANJIAN DITANDATANGANI

BIL.	TEMPOH (Hari)	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)
1.	18 hingga 30	7	91,000
2.	31 - 60	26	269,000
3.	61 - 90	22	239,000
4.	91 -120	3	30,000
5.	121 hingga 131	2	26,000
JUMLAH		60	655,000

Sumber: Jabatan Audit Negara

- Analisis Audit mendapati pinjaman telah dikeluarkan kepada dua (2) peminjam lebih awal antara 121 hingga 131 hari daripada tarikh dokumen perjanjian ditandatangani. Manakala tiga (3) pinjaman dikeluarkan lebih awal antara 91 hingga 120 hari, 22 pinjaman antara 61 hingga 90 hari, 26 pinjaman antara 31 hingga 60 hari dan tujuh (7) pinjaman antara 18 hingga 30 hari.
- Pihak Audit dimaklumkan bahawa dokumen perjanjian telah ditandatangani semasa pengeluaran pinjaman dibuat. Bagaimanapun,

tarikh tandatangan perjanjian tidak dicatatkan pada masa tersebut tetapi hanya dicatatkan apabila dokumen perjanjian disetemkan.

Maklum balas PDC yang diterima pada 20 September 2019 dan 17 Oktober 2019

Pengurusan SPH mengambil maklum dan akan membuat penambahbaikan bagi mempercepatkan proses mematikan setem. SPH terlepas pandang bagi perjanjian yang tidak dicatatkan tarikh pinjaman ditandatangani bagi tempoh 2016 hingga 2018 dan akan memastikan ianya tidak akan berulang. Bagi tahun 2019, semasa serahan fail kepada pihak Audit dokumen perjanjian belum disetemkan. SOP telah diwujudkan sejak bulan Januari 2019 bagi memastikan proses permohonan sehingga dokumen disetemkan adalah dalam tempoh 30 hari bekerja. Pihak Pengurusan akan memastikan pematuhan terhadap SOP oleh SPH seperti yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kelulusan pinjaman adalah tidak cekap kerana terdapat pinjaman yang mengambil masa sehingga 262 hari untuk diluluskan. Selain itu, terdapat kes tarikh perjanjian ditandatangani tidak dicatatkan dalam dokumen perjanjian dan pengeluaran pinjaman lebih awal daripada tarikh dokumen perjanjian.

6.2.3. Pengurusan Bayaran Balik dan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

a. Pengurusan Bayaran Balik Pinjaman

- i. Dokumen perjanjian antara PDC dan peminjam menetapkan bayaran balik pertama perlu dibuat bermula pada 1 haribulan bulan berikutnya. Bayaran balik seterusnya akan dibuat secara mingguan. Bayaran balik mingguan terdiri daripada amaun pokok, caj perkhidmatan (8% setahun) dan simpanan (0.25% seminggu).
- ii. Mulai tahun 2011, PDC telah menetapkan sasaran bayaran balik SPH sebanyak 90% berbanding jumlah yang sepatutnya dikutip pada tahun tersebut sebagaimana dinyatakan dalam *Balance Score Card* Manual Prosedur Kerja. Sasaran yang sama telah diputuskan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan SPH Bilangan 2 Tahun 2018 bertarikh 4 Disember 2018.

- iii. Semakan Audit mendapati PDC telah berjaya mencapai sasaran kutipan balik melebihi 90% pada tahun 2017 dan tahun 2019 (sehingga 30 April). Pada tahun 2017, PDC telah berjaya mengutip sejumlah RM2.78 juta (111.6%) berbanding jumlah yang sepatutnya dikutip RM2.49 juta. Prestasi bayaran balik melebihi sasaran ini disebabkan pada tahun 2017 terdapat perubahan sistem perakaunan daripada *Intergreated Computerised Accounting System* (ICAS) kepada *Information for Competitive Advantage* (IFCA).
- iv. Semasa perubahan sistem ini, PDC telah membuat pelarasan amaun simpanan peminjam kepada bayaran balik pinjaman dan ini telah memberi kesan kepada peningkatan kutipan bayaran balik SPH. Pada tahun 2019 (sehingga 30 April) pula, bayaran balik adalah berjumlah RM0.93 juta (90.3%) daripada jumlah yang sepatutnya dikutip iaitu RM1.03 juta.
- v. Pada tahun 2016 dan 2018, sasaran yang ditetapkan tidak berjaya dicapai. PDC hanya berjaya mengutip bayaran balik berjumlah RM1.23 juta (75.5%) berbanding kutipan sepatutnya berjumlah RM1.63 juta pada tahun 2016. Faktor ekonomi yang kurang memberangsangkan pada tahun 2016 menjelaskan aktiviti/pendapatan perniagaan dan seterusnya memberi kesan kepada kemampuan peminjam untuk membuat bayaran balik pinjaman. Pada tahun 2018 pula, bayaran balik adalah berjumlah RM2.65 juta (87.2%) berbanding yang sepatutnya dikutip berjumlah RM3.04 juta. Bayaran balik pinjaman bagi tempoh tahun 2016 hingga 30 April 2019 seperti dalam **Jadual 16.**

JADUAL 16
BAYARAN BALIK PINJAMAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 30 APRIL 2019

TAHUN	BAYARAN BALIK (TERMASUK TUNGGAKAN)		PENCAPAIAN (%)
	PATUT KUTIP (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	
2016	1.63	1.23	75.5
2017	2.49	2.78	111.6*
2018	3.04	2.65	87.2
Sehingga 30 April 2019	1.03	0.93	90.3

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Nota: (*) - Bayaran balik pinjaman adalah termasuk pelarasan daripada amaun simpanan peminjam

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran balik pinjaman SPH adalah kurang cekap kerana tidak berjaya mencapai sasaran 90% daripada jumlah yang sepatutnya dikutip.

b. Pengurusan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

- i. Mengikut Klausula 4.1.1, Surat Perjanjian Pinjaman, peminjam bersetuju dan beraku janji untuk membayar kembali kepada pemberi pinjaman bersama segala wang yang lain yang dihutang atau seharusnya dibayar di bawah terma-terma perjanjian. Bayaran balik pertama perlu dibuat bermula pada 1 haribulan bulan berikutnya dan bayaran balik seterusnya akan dibuat secara mingguan.
- ii. Berdasarkan kepada *Debt Aging Report*, bilangan peminjam dan tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2017 hingga 30 April 2019 adalah seperti dalam **Jadual 17**. Data bagi tahun 2016 tidak diperoleh kerana data pinjaman dalam bentuk *soft copy* tidak dapat dijana daripada sistem ICAS yang telah dimigrasi ke sistem IFCA pada tahun 2017.

JADUAL 17
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SPH
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 30 APRIL 2019

TEMPOH TUNGGAKAN (Hari)	TAHUN (RM Juta)		
	2017	2018	APRIL 2019
1-30	0.12	0.13	0.13
31-60	0.04	0.10	0.10
61-90	0.03	0.01	0.08
91-120	1.89	0.09	0.06
121-180	0.00	0.14	0.13
≥180	0.00	1.97	2.05
JUMLAH TUNGGAKAN	2.08	2.44	2.55
Tolak: <i>Unallocated Amount</i>	0.08	0.08	0.06
JUMLAH BAKI TUNGGAKAN	2.00	2.36	2.49
BILANGAN PEMINJAM	797	840	862

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Nota: *Unallocated Amount* - Jumlah bayaran yang dibuat lebih awal daripada yang dijadualkan dan jumlah pelarasan pemulangan simpanan yang sedang dilakukan

- iii. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

- **Pada akhir tahun 2017, seramai 797 peminjam mempunyai tunggakan bayaran balik berjumlah RM2 juta** dengan tempoh tunggakan antara satu (1) hingga 120 hari. **Tunggakan yang tertinggi adalah bagi tempoh 91 hingga 120 hari melibatkan tunggakan berjumlah RM1.89 juta.**

- **Pada akhir tahun 2018, bilangan peminjam yang mempunyai tunggakan telah meningkat kepada 840 orang dengan tunggakan berjumlah RM2.36 juta.** Tunggakan bayaran balik yang tertinggi adalah bagi tempoh melebihi 180 hari dengan tunggakan berjumlah RM1.97 juta.
- **Tunggakan bayaran balik telah meningkat kepada RM2.49 juta pada 30 April 2019 melibatkan 862 peminjam. Tunggakan bayaran balik melebihi 180 hari berjumlah RM2.05 juta adalah 82.3% daripada jumlah keseluruhan tunggakan.**

iv. Garis Panduan untuk Prosedur Kutipan dan Tunggakan menetapkan pengurusan tunggakan seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2 PROSES PENGURUSAN TUNGGAKAN PINJAMAN



Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

v. Perkara 1.6 dan 2.4, Garis Panduan Untuk Prosedur Kutipan dan Tunggakan menyatakan pegawai SPH akan memaklumkan kepada Penyelia Bahagian sekiranya peminjam tidak membuat bayaran balik dalam tempoh sebulan. Penyelia Bahagian SPH dan Eksekutif SPH seterusnya akan membuat rundingan dengan peminjam. Sekiranya tiada maklum balas, Surat

Peringatan Pertama akan dikeluarkan oleh Eksekutif Akaun kepada peminjam diikuti Surat Peringatan Kedua dan seterusnya Notis Tuntutan Bayaran (NOD). Nama peminjam akan dimasukkan ke dalam CTOS setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pemantauan SPH sekiranya bayaran balik tunggakan masih belum dibuat.

- vi. Semakan Audit terhadap Garis Panduan Untuk Prosedur Kutipan dan Tunggakan mendapati PDC tidak menetapkan tempoh masa bagi proses kerja mengeluarkan Surat Peringatan Pertama, Surat Peringatan Kedua dan NOD.
- vii. *Semakan lanjut Audit terhadap 115 sampel Statement of Account peminjam mendapati 42 (36.5%) peminjam tidak membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan. Sehingga 30 April 2019, sejumlah RM192,461 telah tertunggak antara 30 hingga 1,125 hari melibatkan 42 peminjam seperti dalam Jadual 18.*

JADUAL 18
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SEHINGGA 30 APRIL 2019

BIL.	TEMPOH TUNGGAKAN BAYARAN (Hari)	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
1.	≤120	4	30,000	1,297
2.	121 - 240	8	84,000	12,301
3.	241 - 360	3	43,000	9,221
4.	361 - 480	3	50,000	32,494
5.	481 - 600	6	69,000	14,343
6.	≥ 601	18	167,000	122,805
JUMLAH		42	443,000	192,461

Sumber: Jabatan Audit Negara

- viii. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

- empat (4) peminjam mempunyai tunggakan berjumlah RM1,297 dengan tempoh tunggakan kurang daripada 120 hari;
- lapan (8) peminjam mempunyai tunggakan antara 121 hingga 240 hari berjumlah RM12,301;
- tiga (3) peminjam mempunyai tunggakan antara 241 hingga 360 berjumlah RM9,221;

- tiga (3) peminjam mempunyai tunggakan antara 361 hingga 480 hari berjumlah RM32,494;
 - enam (6) peminjam mempunyai tunggakan antara 481 hingga 600 hari berjumlah RM14,343; dan
 - 18 peminjam mempunyai tunggakan melebihi 601 hari berjumlah RM122,805.
- ix. Semakan selanjutnya mendapati ada kelemahan dalam pengurusan kutipan balik tunggakan pinjaman seperti berikut:
- tiada rekod diselenggara bagi merekodkan hasil rundingan dengan peminjam berkaitan tunggakan pinjaman.
 - surat Peringatan Pertama dan Kedua tidak dikeluarkan kepada 38 daripada 42 peminjam termasuk seorang peminjam (nombor akaun 90050481) yang tidak pernah membuat bayaran balik dengan tunggakan berjumlah RM4,500. PDC tidak mengeluarkan surat peringatan kepada 38 peminjam tersebut kerana ketepatan data peminjam tidak dapat disahkan apabila berlaku proses penyelarasan data semasa pertukaran sistem perakaunan.
 - tindakan untuk mengeluarkan Notis Tuntutan Bayaran (NOD) daripada syarikat guaman kepada 38 peminjam tersebut juga tidak dilakukan kerana surat peringatan tidak pernah dikeluarkan.
- x. Semakan Audit juga mendapati empat (4) peminjam telah disenaraihitamkan di dalam CTOS pada 22 Februari 2019. Peminjam tersebut tidak memberi maklum balas terhadap surat peringatan dan NOD yang dikeluarkan serta tidak membuat bayaran balik tunggakan. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 19.**

JADUAL 19
PEMINJAM YANG TELAH DISENARAIHITAMKAN

BIL.	NOMBOR AKAUN PEMINJAM	TARIKH PINJAMAN DIKELUARKAN/EFT	TARIKH BAYARAN BALIK TERAKHIR	JUMLAH PINJAMAN (RM)	JUMLAH BAYARAN BALIK (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN* (RM)
1.	900111230188	29.03.2016	09.01.2018	3,000	1,738	1,638
2.	900122120185	05.02.2016	12.05.2016	8,000	2,735	8,545
3.	900322140129	16.02.2016	10.04.2017	4,000	880	3,620
4.	900222240090	05.02.2016	02.06.2016	2,000	1,060	1,190
JUMLAH				17,000	6,413	14,993

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Nota: (*) – Jumlah tunggakan termasuk pokok, caj perkhidmatan dan simpanan

xi. Lawatan Audit pada 1 Julai 2019 hingga 18 Julai 2019 ke 50 premis perniagaan dan kediaman peminjam mendapati perkara berikut:

- Sebanyak 16 perniagaan masih beroperasi dan peminjam telah membuat bayaran balik pinjaman;
- Sebanyak 19 perniagaan masih beroperasi tetapi peminjam tidak membuat bayaran balik mengikut jadual dan mempunyai tunggakan bayaran balik berjumlah RM80,162. Butirannya seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PERNIAGAAN MASIH BEROPERASI TETAPI
MEMPUNYAI TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN

BIL.	NOMBOR AKAUN PEMINJAM	TAHUN PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)*	PENEMUAN AUDIT
1.	900412130096	2016	3,000	3,165	Peminjam masih menjalankan perniagaan. Peminjam telah menukar nombor telefon dan tidak memaklumkan kepada PDC.
2.	900512140233	2016	15,000	3,990	Premis perniagaan masih beroperasi. Tunggakan bermula sejak peminjam mengalami masalah kesihatan pada tahun 2018.
3.	900522120226	2016	7,000	9,470	Peminjam masih menjalankan perniagaan. Tunggakan disebabkan peminjam gagal dihubungi.
4.	900111120196	2016	10,000	300	Peminjam masih menjalankan perniagaan. Tunggakan disebabkan peminjam tidak membuat bayaran mengikut jadual yang ditetapkan.
5.	900311140149	2016	11,000	1,580	Peminjam masih menjalankan perniagaan. Tunggakan disebabkan pegawai kutipan bercuti akibat kemalangan.
6.	90040326	2016	6,000	4,190	Peminjam masih menjalankan perniagaan. Tunggakan disebabkan peminjam tidak membuat bayaran mengikut jadual yang ditetapkan.
7.	90010756	2016	20,000	3,700	Peminjam masih menjalankan perniagaan. Tunggakan disebabkan peminjam tidak membuat bayaran mengikut jadual yang ditetapkan.
8.	900412130172	2017	20,000	11,611	Peminjam masih menjalankan perniagaan. Tunggakan disebabkan peminjam menumpukan kepada perniagaan yang baru.
9.	900422130155	2017	10,000	5,991	Premis perniagaan masih beroperasi. Hasil temubual mendapati tunggakan disebabkan kos <i>overhead</i> yang tinggi (sewa bangunan dan gaji pekerja)
10.	900521340252	2017	15,000	8,350	Premis perniagaan masih beroperasi. Tunggakan disebabkan peminjam perlu menjaga anak yang kurang sihat.
11.	900521120255	2017	13,000	3,915	Premis perniagaan masih beroperasi. Tunggakan disebabkan lokasi asal perniagaan kurang strategik dan proses pemindahan ke lokasi baru.
12.	900323140197	2017	15,000	1,240	Peminjam masih menjalankan perniagaan. Tunggakan disebabkan peminjam tidak membuat bayaran mengikut jadual yang ditetapkan.

BIL.	NOMBOR AKAUN PEMINJAM	TAHUN PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)*	PENEMUAN AUDIT
13.	900211120148	2017	4,000	1,705	Peminjam tidak lagi menjalankan perniagaan di premis perniagaan sebaliknya menerima tempahan dan menjalankan perniagaan di rumah. Peminjam juga menjalankan perniagaan lain.
14.	900222120263	2018	15,000	1,246	Premis perniagaan tidak beroperasi semasa lawatan. Hasil temu bual mendapati peminjam sedang bercuti ke luar negara.
15.	900212240248	2018	20,000	957	Premis perniagaan masih beroperasi. Tunggakan disebabkan peminjam tidak membuat bayaran mengikut jadual yang ditetapkan.
16.	900222340252	2018	20,000	4,352	Peminjam masih menjalankan perniagaan. Tunggakan disebabkan perniagaan yang kurang maju.
17.	900211320254	2018	5,000	1,650	Peminjam telah menutup perniagaan runcit di atas faktor lokasi perniagaan yang tidak strategik dan membuka perniagaan baru di lokasi yang lain dan masih menjalankan perniagaan.
18.	900122120372	2018	15,000	10,256	Tunggakan disebabkan peminjam tidak menjalankan perniagaan kerana menjaga suami yang terlibat dalam kemalangan.
19.	90030325	2018	17,000	2,494	Peminjam masih menjalankan perniagaan. Tunggakan disebabkan peminjam tidak membuat bayaran mengikut jadual yang ditetapkan.
JUMLAH			241,000	80,162	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) -Termasuk pokok, caj perkhidmatan dan simpanan

- Sebanyak 15 perniagaan telah ditutup/peminjam tidak dapat dihubungi, premis perniagaan dijadikan rumah sewa atau peminjam membuat pinjaman bagi pihak ketiga. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 21** dan **Gambar 1** hingga **15**.

JADUAL 21 **SENARAI PEMINJAM YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN DAN TIDAK LAGI MENJALANKAN PERNIAGAAN**

BIL.	NOMBOR AKAUN PEMINJAM	TAHUN PINJAMAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	PENEMUAN AUDIT
1.	900522120246	2016	19,550	Peminjam membuat pinjaman bagi pihak ketiga (900522120217) untuk menambah modal perniagaan. (Gambar 1)
2.	900522120217	2016	10,997	Premis perniagaan telah ditutup. (Gambar 2)
3.	900122120185	2016	8,545	Peminjam tidak dapat dihubungi dan tidak lagi menjalankan perniagaan. (Gambar 3)
4.	900111230188	2016	1,638	Peminjam tidak dapat dihubungi dan tidak lagi menjalankan perniagaan. (Gambar 4)
5.	900311120161	2016	13,860	Peminjam tidak dapat dihubungi dan tidak menjalankan perniagaan pada hari lawatan. (Gambar 5)
6.	900222240090	2016	1,190	Premis perniagaan tidak beroperasi kerana pasar awam berkenaan telah ditutup. (Gambar 6)

BIL.	NOMBOR AKAUN PEMINJAM	TAHUN PINJAMAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	PENEMUAN AUDIT
7.	90050481	2016	4,500	Peminjam tidak pernah membuat bayaran balik. (Gambar 7)
8.	900322140129	2016	3,620	Peminjam tidak lagi menjalankan perniagaan dan kedai runcit yang diusahakan telah dijual kepada orang lain. (Gambar 8)
9.	900312120168	2017	9,880	Peminjam tidak dapat dihubungi. Premis tidak beroperasi semasa lawatan. (Gambar 9)
10.	90050524	2017	14,124	Perniagaan telah ditutup. (Gambar 10)
11.	900412320179	2018	10,627	Premis perniagaan telah ditutup. (Gambar 11)
12.	900511110347	2018	3,084	Premis perniagaan telah dijadikan rumah sewa. (Gambar 12)
13.	900111320406	2018	1,227	Peminjam tidak lagi menjalankan perniagaan. (Gambar 13)
14.	900122130440	2018	2,250	Peminjam tidak lagi menjalankan perniagaan katering. Tunggakan disebabkan peminjam menumpukan kepada perniagaan yang baharu. (Gambar 14)
15.	900412120184	2018	2,375	Peminjam tidak lagi menjalankan perniagaan dan tidak dapat dihubungi. (Gambar 15)
JUMLAH		107,467		

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

GAMBAR 1



Padang Ibu, Seberang Perai Tengah
- Membuat Pinjaman bagi Pihak Ketiga
(02.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Kompleks Peniaga-Peniaga Kecil Taman Guar Perahu,
Seberang Perai Tengah
- Premis Perniagaan Telah Ditutup
(02.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Jalan Rumbia, Bayan Lepas, Barat Daya
- Peminjam Tidak Dapat Dihubungi dan Tidak Lagi
Menjalankan Perniagaan
(15.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Kompleks Pasar Bayan Baru, Barat Daya
- Peminjam Tidak Dapat Dihubungi dan Tidak Lagi
Menjalankan Perniagaan
(11.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Pasar Aneka, Taman Selat, Seberang Perai Utara
- Peminjam Tidak Dapat Dihubungi dan Tidak
Menjalankan Perniagaan pada Hari Lawatan
(05.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Pasar Jalan Permai, Gelugor, Timur Laut
- Premis Perniagaan Tidak Beroperasi kerana Pasar
Awam Berkenaan Telah Ditutup
(04.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Taman Remia, Cherok Tokun Atas, Bukit Mertajam,
Seberang Perai Tengah
- Peminjam Tidak Pernah Membuat Bayaran Balik
(02.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Kampung Jarak Atas, Seberang Perai Utara
- Peminjam Tidak Lagi Mengusahakan Kedai Runcit
Miliknya kerana Telah Dijual kepada Orang Lain
(18.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Pasar Aneka, Taman Selat, Seberang Perai Utara
- Peminjam Tidak Dapat Dihubungi. Premis Tidak
Beroperasi Semasa Lawatan
(05.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Megamall, Perai, Seberang Perai Tengah
- Perniagaan Telah Ditutup (01.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Taman Belatuk, Seberang Perai Selatan
- Premis Perniagaan Telah Ditutup
(01.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Bandar Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah -
Premis Perniagaan Telah Dijadikan Rumah Sewa
(02.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



PISA Corner, Relau, Barat Daya
- Peminjam Tidak Lagi Menjalankan Perniagaan
(18.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Lorong Mahsuri 10, Bayan Baru, Barat Daya
- Peminjam Tidak Lagi Menjalankan Perniagaan
(11.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 15

Taman Jawi Jaya, Sungai Jawi
Seberang Perai Selatan
- Peminjam Tidak Lagi Menjalankan Perniagaan dan
Tidak Dapat Dihubungi
(01.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

xii. Semakan Audit terhadap minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bilangan 2 Tahun 2018 bertarikh 4 Disember 2018 mendapati perkara berikut:

- PDC telah melantik agensi pengutip hutang (DCA) iaitu Syarikat A (nombor pendaftaran 408056-D) untuk mengutip tunggakan pinjaman SPH. Tempoh perjanjian pelantikan bermula pada 19 Februari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Syarat perjanjian pelantikan DCA menyatakan pembayaran komisen akan dibuat bagi kutipan yang berjaya dikutip berdasarkan kadar seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
SYARAT PERJANJIAN PELANTIKAN AGENSI PENGUTIP HUTANG

BIL.	TEMPOH TUNGGAKAN	KADAR KOMISEN (%)
1.	1 bulan – 6 bulan	10
2.	6 bulan – 2 tahun	12
3.	2 tahun dan ke atas	15

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

- PDC telah membuat bayaran komisen berjumlah RM410 kepada DCA kerana telah berjaya mengutip tunggakan pinjaman berjumlah RM3,121 mulai bulan Mac hingga April 2019. Butiran kutipan tunggakan oleh DCA adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KUTIPAN TUNGGAKAN OLEH AGENSI PENGUTIP HUTANG (DCA)

BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	KUTIPAN (RM)		JUMLAH KUTIPAN (RM)	BAKI TUNGGAKAN (RM Juta)
		31.03.2019	30.04.2019		
285	0.66	1,531	1,590	3,121	0.65

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

xiii. Pengurusan kutipan balik tunggakan yang tidak cekap menyebabkan berlakunya tunggakan bayaran balik pinjaman sehingga melebihi tempoh 180 hari. Antara kelemahan yang berlaku adalah kurang pemantauan oleh Penyelia Bahagian/Eksekutif SPH dan kegagalan mengeluarkan surat peringatan. SPH merupakan *revolving fund* dan kelemahan dalam pengurusan bayaran balik ini akan mengurangkan peluang kepada peminjam baru untuk mendapatkan pinjaman. Selain itu, PDC perlu membayar komisen kepada DCA yang dilantik untuk menguruskan kutipan tunggakan bayaran balik pinjaman.

Maklum balas PDC yang diterima pada 20 September 2019, 17 Oktober 2019 dan 6 Januari 2020

Pengurusan SPH tidak mengetahui pinjaman untuk pihak ketiga kerana permohonan pinjaman disertakan dengan dokumen yang betul. Pengurusan SPH mengambil maklum berkenaan perkara ini dan akan membuat deklarasi pinjaman adalah untuk kegunaan sendiri selepas ini. PDC akan mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik. Seorang peminjam yang tidak pernah membuat bayaran telah pun membuat bayaran bermula bulan Ogos 2019.

Kelewatan mengeluarkan Surat Peringatan dan Notis Tuntutan Bayaran adalah disebabkan pertukaran sistem perakaunan iaitu sistem ICAS ke IFCA yang *go-live* pada bulan Oktober 2017. Proses penyelarasan data mengambil masa kerana semakan perlu dibuat bagi setiap peminjam agar data tepat.

Pengurusan SPH telah mengeluarkan Surat Peringatan Pertama secara berperingkat kepada 38 daripada 42 peminjam yang tidak membuat pembayaran seperti yang dinyatakan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) bermula 26 Ogos 2019. Sehingga 6 Januari 2020 PDC telah mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Seramai tiga (3) peminjam dalam proses semakan dan pengeluaran Surat Peringatan;
- b) Seramai lima (5) peminjam telah selesai membuat bayaran bermula 16 Mei hingga 21 Ogos 2019;
- c) Surat Peringatan Pertama telah dikeluarkan bermula 26 Ogos hingga 27 November 2019 kepada 29 peminjam; dan
- d) Seorang peminjam telah mula membuat bayaran pada Ogos 2019.

Pelantikan agensi pengutip hutang adalah bertujuan untuk menguruskan peminjam tegar dan tidak dapat dikesan walaupun surat peringatan dikeluarkan. Pihak pengurusan berpendapat bahawa adalah lebih kos efektif bagi melantik DCA untuk menguruskan kes lama.

Pada pendapat Audit, pengurusan tunggakan bayaran balik pinjaman SPH adalah kurang cekap kerana berlaku peningkatan bilangan peminjam yang mempunyai tunggakan dan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman.

6.2.4. Pengurusan Simpanan

- a. Klaus 5.1 Surat Perjanjian Pinjaman menyatakan kedua-dua pihak bersetuju bahawa semasa tempoh perjanjian, peminjam hendaklah membayar kepada Pemberi Pinjaman satu (1) jumlah secara mingguan (selepas ini dirujuk sebagai "Jumlah Mingguan"). Jumlah Mingguan hendaklah dipegang oleh Pemberi Pinjaman sebagai satu (1) skim simpanan yang direka khas untuk membantu peminjam untuk menuahkan dana simpanan.

- b. Klaus 5.2 pula menyatakan jumlah simpanan hendaklah dipulangkan kepada peminjam apabila tamat perjanjian dan pembayaran penuh telah dibuat serta dengan syarat tidak ada sebarang perlanggaran terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian.
- c. Seksyen 8 Jadual Pertama Surat Perjanjian Pinjaman menyatakan jumlah kutipan simpanan mingguan adalah bersamaan 0.25% daripada jumlah pinjaman.
- d. Semakan Audit mendapati ***dana simpanan belum ditubuhkan sejak SPH diambil alih oleh PDC pada bulan Disember 2010 dan simpanan yang dikutip disimpan di dalam akaun mikro kredit PDC.*** Berdasarkan Laporan Simpanan SPH, pada 30 April 2019 simpanan peminjam adalah berjumlah RM1.19 juta. Bagaimanapun, ***pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah yang sepatutnya dipulangkan kepada peminjam kerana data mengenainya tidak dapat dijana secara terus daripada sistem IFCA.*** Selain itu, tempoh simpanan perlu dipulangkan kepada peminjam juga tidak ditetapkan.
- e. Sehubungan itu, pihak Audit telah membuat semakan terhadap 115 sampel *Statement of Account* peminjam yang mempunyai pinjaman bagi tempoh tahun 2016 hingga 30 April 2019 dan mendapati 40 daripada 115 peminjam telah selesai membuat bayaran balik pinjaman. Butirannya seperti dalam **Jadual 24.**

JADUAL 24
KEDUDUKAN SIMPANAN PEMINJAM BAGI TEMPOH
TAHUN 2016 HINGGA 30 APRIL 2019

JUMLAH SIMPANAN (RM)		JUMLAH DIPULANGKAN (RM)		BAKI BELUM DIPULANGKAN PADA 30.04.2019	
BILANGAN PEMINJAM	(RM)	BILANGAN PEMINJAM	(RM)	BILANGAN PEMINJAM	(RM)
40	53,250	14	14,750	26	38,500

Sumber: Jabatan Audit Negara

- f. Analisis Audit terhadap pembayaran balik simpanan peminjam mendapati perkara berikut:
 - i. Sejumlah RM6,625 telah dibayar kepada tiga (3) peminjam sebelum tamat tempoh perjanjian. Bagaimanapun peminjam tersebut telah membuat bayaran balik pinjaman sepenuhnya. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 25.**

JADUAL 25
SIMPANAN DIPULANGKAN SEBELUM TAMAT TEMPOH PERJANJIAN

BIL.	NO.AKAUN	JUMLAH SIMPANAN (RM)	TARIKH TAMAT PERJANJIAN / BAYARAN PENUH	TARIKH SIMPANAN DIPULANGKAN	TEMPOH (Hari)
1.	900211120138	2,500	28.02.2019	01.10.2018	150
2.	900222140106	3,500	30.09.2018	10.08.2018	51
3.	90050482	625	31.10.2017	30.09.2017	31
JUMLAH		6,625			

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Simpanan berjumlah RM8,125 telah dibayar kepada 11 peminjam antara 15 hingga 275 hari. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
TEMPOH SIMPANAN DIPULANGKAN

BIL.	TEMPOH (Hari)	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH SIMPANAN DIPULANGKAN (RM)
1.	≤30	2	2,750
2.	31 - 60	2	1,375
3.	61 - 90	3	1,875
4.	91 - 120	3	1,750
5.	≥ 120	1	375
JUMLAH		11	8,125

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Seramai 26 (65%) daripada 40 peminjam telah tamat perjanjian dan selesai membuat pembayaran namun sehingga 30 April 2019 simpanan berjumlah RM38,500 masih belum dipulangkan. Tempoh simpanan yang belum dipulangkan adalah antara tujuh (7) hingga 791 hari. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
SIMPANAN BELUM DIPULANGKAN KEPADA PEMINJAM
KEDUDUKAN PADA 30 APRIL 2019

BIL.	NOMBOR AKAUN PEMINJAM	JUMLAH SIMPANAN (RM)	TARIKH TAMAT PERJANJIAN / BAYARAN PENUH	TEMPOH (Hari)
1.	90050445	500	28.02.2017	791
2.	90010699	375	30.06.2017	669
3.	900112120432	625	31.07.2017	638
4.	90040329	500	12.09.2017	595
5.	90020358	500	28.09.2017	579
6.	90010716	750	30.09.2017	577
7.	900123140221	750	10.11.2017	536
8.	90010768	625	02.01.2018	483

BIL.	NOMBOR AKAUN PEMINJAM	JUMLAH SIMPANAN (RM)	TARIKH TAMAT PERJANJIAN / BAYARAN PENUH	TEMPOH (Hari)
9.	900112120308	1,000	28.02.2018	426
10.	90030325	2,500	28.02.2018	426
11.	900212230092	2,000	28.02.2018	426
12.	900122330267	500	22.03.2018	404
13.	900222340252	2500	30.09.2018	212
14.	900511110286	500	31.10.2018	181
15.	900112110312	750	28.11.2018	153
16.	900112130234	5,000	30.11.2018	151
17.	90010733	3,750	30.11.2018	151
18.	900323320215	625	31.12.2018	120
19.	900512130310	750	10.01.2019	110
20.	900123230361	750	28.02.2019	61
21.	900122120270	2,000	28.02.2019	61
22.	900122120368	750	28.02.2019	61
23.	900111120273	2,500	03.03.2019	58
24.	900322130165	2,000	21.03.2019	40
25.	900121140279	3,750	11.04.2019	19
26.	900422140090	2,250	23.04.2019	7
JUMLAH		38,500		

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara sebab simpanan masih belum dipulangkan adalah kerana peminjam tidak dapat dikesan atau dihubungi. Selain itu, desakan daripada peminjam yang telah selesai membuat pembayaran lebih awal daripada yang dijadualkan perlu didahulukan pembayaran pemulangan simpanan.

Maklum balas PDC yang diterima pada 20 September 2019 dan 17 Oktober 2019

PDC berhasrat untuk menujuhkan koperasi SPH. Memandangkan hasrat tersebut masih belum terlaksana, pihak Pengurusan SPH telah memutuskan untuk memulangkan wang simpanan peminjam yang telah selesai membuat pembayaran secara berperingkat bermula pada bulan Mei 2018.

Langkah-langkah berikut telah diambil bagi memastikan pemulangan simpanan dapat dilakukan dengan lebih lancar:

- a) Mengeluarkan surat pemulangan wang simpanan.
- b) Menyerahkan kepada Jabatan Akauntan Negara sebagai wang tidak dituntut selepas 14 hari dari surat pemulangan wang simpanan dikeluarkan.

Setakat 18 September 2019, sejumlah 285 daripada 637 telah selesai urusan pemulangan simpanan. Urusan pemulangan dijangka selesai pada Disember 2019. SOP pemulangan wang simpanan telah diwujudkan oleh SPH bagi memastikan pemulangan simpanan dibuat mengikut prosedur yang betul. Selain itu, pindaan telah dibuat pada klausula 5.2, surat perjanjian pinjaman berkaitan wang simpanan, yang akan berkuat kuasa pada 1 November 2019.

Pada pendapat Audit, pengurusan pemulangan simpanan kepada peminjam adalah tidak cekap di mana PDC mengambil tempoh masa antara 15 hingga 275 hari untuk memulangkan simpanan. Selain itu, terdapat simpanan yang masih belum dipulangkan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan program SPH telah mencapai objektif bagi menyalurkan modal yang mudah dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil. Namun begitu, objektif bagi penyaluran modal yang cepat kepada peminjam tidak tercapai sepenuhnya kerana terdapat permohonan pinjaman yang mengambil masa sehingga 262 hari untuk diluluskan. Selain itu, terdapat kelemahan pengurusan tunggakan bayaran balik pinjaman dan kelewatan memulangkan simpanan kepada peminjam.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Program Skim Pinjaman Harapan ini dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya PDC dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap syor seperti berikut:

- 8.1. memastikan setiap permohonan diuruskan dengan teratur dari aspek ketelitian penyemakan kelayakan pemohon, tempoh kelulusan permohonan dan pengurusan dokumen perjanjian;
- 8.2. memastikan data setiap peminjam lengkap, tepat dan sentiasa dikemaskini dalam sistem IFCA dengan meningkatkan kekerapan penyemakan dan penyelarasaran akaun peminjam. Adalah juga disyorkan penambahbaikan dibuat secara menyeluruh terhadap sistem IFCA supaya di masa akan datang, data yang diselenggara melalui sistem ini adalah tepat dan boleh dijana secara automatik;

- 8.3. meningkatkan penyeliaan serta pemantauan terhadap peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman; dan
- 8.4. menetapkan tempoh masa simpanan sepatutnya dipulangkan kepada peminjam.

2

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

- PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

RINGKASAN EKSEKUTIF

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan pengurusan syarikat PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. (PDCTS) bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019 yang meliputi tiga (3) aspek utama iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan. PDCTS merupakan syarikat berhad menurut syer milik penuh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. (PDCPH) di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).
- Bagi tadbir urus korporat, penilaian dilaksanakan terhadap lapan (8) aspek iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, *Standard Operating Procedures* (SOP), Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalam.
- Pengurusan aktiviti dinilai terhadap dua (2) bidang utama iaitu prestasi aktiviti dan pelaksanaan aktiviti syarikat. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian *outcome* syarikat. Pelaksanaan aktiviti syarikat pula dinilai melalui aktiviti utama syarikat iaitu pembinaan dan penyewaan struktur menara telekomunikasi.
- Analisis terhadap kedudukan kewangan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai syarikat berdasarkan penyata kewangan PDCTS bagi tahun 2016 hingga 2018.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Aktiviti utama yang dilaksanakan oleh PDCTS adalah membina dan menyewakan struktur menara telekomunikasi. Secara umumnya, prestasi diukur daripada pertambahan atau pengurangan struktur menara telekomunikasi yang diuruskan kerana ia memberi kesan kepada peningkatan atau penurunan pendapatan PDCTS.
- Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan PDCTS melalui pengurusan aktiviti pembinaan dan penyewaan struktur menara telekomunikasi sama ada dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat serta penilaian terhadap amalan tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan syarikat.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, objektif penubuhan PDCTS sebagai penggerak utama bagi sektor infrastruktur telekomunikasi di negeri Pulau Pinang telah dicapai berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian seperti berikut:
 - Sebanyak enam (6) daripada lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya. Antara aspek yang tidak diamalkan adalah seperti berikut:
 - PDCTS mengguna pakai Piagam Lembaga Pengarah PDC mulai bulan Januari 2019. Piagam tersebut belum dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah PDCTS untuk kelulusan;
 - PDCTS mengguna pakai Kod Tatalaku dan Etika PDC sebagai garis panduan dalam pengurusan pentadbiran syarikat. Bagaimanapun, Kod Tatalaku dan Etika tersebut belum dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah PDCTS untuk kelulusan;
 - tiada agenda dicadangkan oleh Setiausaha Syarikat untuk membentangkan Piagam Lembaga Pengarah dan Kod Etika Lembaga Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah;
 - PDCTS mengguna pakai SOP yang dikeluarkan oleh PDCPH serta Garis Panduan Proses Sebut Harga yang dikeluarkan oleh PDC (kemas kini pada bulan Disember 2018). Bagaimanapun, SOP tersebut belum dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan; dan
 - tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam.
 - Prestasi aktiviti pembinaan dan penyewaan struktur menara telekomunikasi:
 - pencapaian output pembinaan adalah cekap walaupun perancangan pembinaan 11 struktur menara bagi mencapai sasaran pembinaan 70 struktur menara yang ditetapkan pada tahun 2019 tidak dapat dilaksanakan. Ketidakcapaian sasaran yang ditetapkan adalah melibatkan faktor di luar kawalan PDCTS;
 - pencapaian output penyewaan struktur menara telekomunikasi sehingga bulan Julai 2019, hanya mencapai 75% di mana 39 daripada 52 struktur menara sahaja yang telah disewakan kepada sekurang-kurangnya tiga (3) syarikat telekomunikasi; dan

- pencapaian *outcome* pula adalah cekap dengan pencapaian pendapatan antara 95.7% hingga 116.2% berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2016 hingga 2018.
- Pelaksanaan aktiviti pembinaan dan penyewaan struktur menara telekomunikasi:
 - pengurusan perolehan struktur menara kurang cekap. Ini adalah kerana terdapat perlantikan kontraktor tidak mematuhi prosedur perolehan yang ditetapkan dan kelulusan pemilihan kontraktor hanya dibuat secara Resolusi Lembaga Pengarah (DCR);
 - sebanyak lima (5) struktur menara beroperasi tanpa kelulusan pelan bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan tiga (3) struktur menara lama yang tidak lagi digunakan sejak tahun 2011 masih belum dirobohkan oleh PDCTS. Penyenggaraan persekitaran tapak struktur menara pula kurang cekap kerana terdapat kerosakan pada pintu pagar dan dawai pagar di lapan (8) lokasi struktur menara; dan
 - terdapat tunggakan hasil sewaan struktur menara telekomunikasi berjumlah RM2.21 juta dengan tempoh tunggakan antara satu (1) bulan hingga melebihi enam (6) bulan.
- Kedudukan kewangan PDCTS berada pada tahap kukuh. PDCTS telah merekodkan keuntungan bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut. Tahap kecairan dan kestabilan juga kukuh menunjukkan syarikat berupaya untuk menyelesaikan obligasinya pada bila-bila masa serta mampu membiayai aktiviti yang dirancang. Pada akhir tahun 2018, baki tunai dan kesetaraan tunai PDCTS berjumlah RM10.61 juta.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

2. PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

100% Milikan penuh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. (PDCPH)	RM32.20 Juta Pendapatan syarikat bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018	59 Struktur Menara Bilangan struktur menara telekomunikasi sehingga bulan Julai 2019
Keuntungan Sebelum Cukai	Tahun 2016 RM5.74 Juta Tahun 2017 RM1.32 Juta Tahun 2018 RM5.02 Juta	2005 Syarikat mula beroperasi
Aktiviti Utama	Membina dan menyewakan struktur menara telekomunikasi di negeri Pulau Pinang	

1. LATAR BELAKANG

1.1. PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. (PDCTS) dahulunya dikenali sebagai PDC Technical Services Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 3 Januari 1995 di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat mula beroperasi pada 13 Jun 2005 dengan modal berbayar berjumlah RM1.5 juta. PDCTS merupakan syarikat berhad menurut syer milik penuh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. (PDCPH) di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

1.2. Objektif penubuhan syarikat adalah sebagai penggerak utama bagi sektor infrastruktur telekomunikasi dengan membina dan menyewakan struktur menara komunikasi kepada penyedia telekomunikasi di negeri Pulau Pinang. Selain itu, PDCTS telah menjadi *State-Backed Company* yang aktif terlibat dalam menyediakan kemudahan rangkaian yang terdiri daripada struktur menara dan saluran telekomunikasi. Misi PDCTS adalah '*Integrating Data to Future Proof Tomorrow*'.

1.3. Aktiviti utama PDCTS adalah membina dan menyewakan struktur menara telekomunikasi di negeri Pulau Pinang. Struktur menara telekomunikasi terdiri daripada tiga (3) jenis iaitu kekal, sementara dan bumbung seperti empat (4) *Legged*, tiga (3) *Legged, Monopole* dan *Monopole Tree*. Sehingga bulan Julai 2019, PDCTS memiliki 59 struktur menara telekomunikasi.

1.4. Pengauditan terhadap PDCTS pernah dijalankan pada tahun 2012. Penemuan yang telah dibangkitkan meliputi aspek keselamatan dan kebersihan kawasan tapak, tidak mematuhi jarak minimum dari bangunan/kediaman terdekat, tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan dan tunggakan bayaran sewaan berjumlah RM3.06 juta belum dapat dikutip.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan PDCTS melalui pengurusan aktiviti pembinaan dan penyewaan struktur menara telekomunikasi sama ada dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat, serta penilaian terhadap amalan tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan syarikat.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap aktiviti pembinaan dan penyewaan struktur menara telekomunikasi. Pemilihan tersebut berdasarkan aktiviti utama PDCTS yang boleh dinilai pencapaian objektif dan prestasinya. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit bagi tahun 2016, 2017 dan 2018.

3.2. Pengauditan pengurusan aktiviti menilai dua (2) bidang utama iaitu prestasi dan pelaksanaan bagi aktiviti pembinaan dan penyewaan struktur menara telekomunikasi. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Pencapaian output dinilai berdasarkan prestasi penyewaan struktur menara telekomunikasi. Prestasi *outcome* pula dinilai berdasarkan pendapatan sewaan struktur menara telekomunikasi. Lima (5) perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti pembinaan dan penyewaan struktur menara telekomunikasi adalah kaedah perolehan, kelulusan oleh Lembaga Pengarah, kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan, operasi struktur menara telekomunikasi dan penyenggaraan kawasan persekitaran struktur menara.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat PDCTS yang terletak di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Pengauditan juga telah dijalankan di lima (5) lokasi pembinaan struktur menara telekomunikasi iaitu Batu Kawan, Bayan Lepas, Balik Pulau, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah. Pengauditan melibatkan kesemua 12 projek pembinaan yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019.

3.4. Pencapaian kewangan terhadap aktiviti pembinaan dan penyewaan struktur menara telekomunikasi dinilai berdasarkan analisis laporan penyata kewangan beraudit yang dikemukakan oleh PDCTS.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PDCTS serta menganalisis data berkaitan. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap aktiviti, harta modal dan inventori PDCTS juga telah dijalankan antara bulan Jun dan Julai 2019 untuk menentukan aktiviti pembinaan dan penyewaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan PDCTS yang telah diaudit oleh Tetuan Wong Liu & Partners. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan dan analisis aliran tunai. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Tadbir Urus Korporat

Secara keseluruhannya, tadbir urus korporat PDCTS adalah kurang memuaskan. Terdapat keperluan untuk syarikat memperkemaskan fungsi dan keberkesanan dalam aspek amalan terbaik mengenai peranan dan tanggungjawab Pengerusi, Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalam. Setiausaha Syarikat tidak memainkan peranan membimbing, memberi panduan dan nasihat berkaitan peraturan dan peruntukan yang termaktub bagi sesuatu syarikat kepada ahli Lembaga Pengarah. Selain itu, *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebelum diguna pakai.

b. Pengurusan Aktiviti

i. Prestasi Aktiviti

Secara keseluruhannya struktur menara telekomunikasi yang diuruskan oleh PDCTS telah bertambah daripada 47 struktur menara pada tahun 2015 kepada 59 struktur menara pada bulan Julai 2019 iaitu pertambahan

sebanyak 12 (25.5%). Prestasi output pembinaan adalah cekap walaupun perancangan pembinaan 11 struktur menara (15.7%) bagi mencapai sasaran pembinaan 70 struktur menara yang ditetapkan pada tahun 2019 tidak dapat dilaksanakan. Ketidakcapaian sasaran yang ditetapkan adalah melibatkan faktor di luar kawalan PDCTS. Bagi penyewaan struktur menara telekomunikasi hanya 39 (75%) daripada 52 struktur menara telah disewakan kepada sekurang-kurangnya tiga (3) syarikat telekomunikasi bagi satu (1) menara. Pencapaian 75% tersebut lebih rendah daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan iaitu 90%. Pencapaian *outcome* pula adalah cekap dengan pencapaian pendapatan antara 95.7% hingga 116.2% berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2016 hingga 2018.

ii. Pelaksanaan Aktiviti

Secara keseluruhannya, pengurusan perolehan struktur menara kurang cekap. Ini adalah kerana terdapat pelantikan kontraktor yang tidak mematuhi prosedur perolehan ditetapkan dan kelulusan pemilihan kontraktor hanya dibuat secara Resolusi Lembaga Pengarah (DCR). Selain itu, sebanyak lima (5) struktur menara beroperasi tanpa kelulusan pelan bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Manakala tiga (3) struktur menara lama yang tidak lagi digunakan sejak tahun 2011 masih belum dirobohkan oleh PDCTS. Penyelenggaraan persekitaran tapak struktur menara pula kurang cekap kerana terdapat kerosakan pada pintu pagar dan dawai pagar di lapan (8) lokasi struktur menara. Bagaimanapun, masih terdapat tunggakan hasil sewaan struktur menara telekomunikasi berjumlah RM2.21 juta dengan tempoh tunggakan antara satu (1) bulan hingga melebihi enam (6) bulan.

c. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan PDCTS berada pada tahap kukuh. PDCTS telah merekodkan keuntungan bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut. Tahap kecairan dan kestabilan menunjukkan syarikat berupaya untuk menyelesaikan obligasinya pada bila-bila masa serta mampu membayai aktiviti yang dirancang. Pada akhir tahun 2018, baki tunai dan kesetaraan tunai PDCTS berjumlah RM10.61 juta.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan oleh PDCTS adalah seperti berikut:

- a. hanya dua (2) daripada lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus iaitu fungsi dan peranan Ketua Pegawai Eksekutif serta KPI telah dilaksanakan;
- b. pelantikan kontraktor tidak mematuhi prosedur perolehan; dan
- c. tunggakan hasil penyewaan struktur menara pada akhir bulan Jun 2019 adalah berjumlah RM2.21 juta dengan tempoh tunggakan antara satu (1) bulan hingga melebihi enam (6) bulan.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas PDCTS telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 15 Oktober 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Tadbir Urus Korporat

6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan bagi mencapai objektifnya dan membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. PDCTS adalah syarikat kerajaan di bawah PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. (PDCPH). Sehubungan dengan itu, PDCTS perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perlembagaan Syarikat, SOP serta lain-lain peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dari semasa ke semasa. Selain itu, rujukan juga boleh dibuat terhadap amalan terbaik daripada *Malaysian Code on Corporate Governance 2017* (MCCG 2017), *The Green Book – Enhancing Board Effectiveness (Green Book)* dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan, Disember 2014 (MKD Handbook).

6.1.2. Pengurusan PDCTS diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Bilangan perjawatan di PDCTS pada 11 Januari 2019 adalah seramai 13 orang berjawatan tetap dan empat (4) orang berjawatan kontrak. Carta organisasi PDCTS yang dikemas kini pada 11 Januari 2019 adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
CARTA ORGANISASI
PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN. BHD. PADA 11 JANUARI 2019



Sumber: Carta Organisasi PDCTS

6.1.3. PDCTS mempunyai empat (4) jabatan utama bagi melancarkan perjalanan pengurusan dan operasi iaitu Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Jabatan Kewangan, Jabatan Perundingan dan Pengurusan Projek serta Jabatan Pejabat *Chief Technical Officer* (CTO). Semakan Audit mendapati peranan, fungsi, tugas dan tanggungjawab setiap jabatan tidak digariskan dengan terperinci. Keadaan ini menyebabkan fungsi setiap jabatan tidak dapat ditentukan dalam operasi syarikat. Menurut PDCTS, penyediaan fungsi bagi setiap jabatan sedang diambil tindakan mulai tahun 2020.

6.1.4. Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, Lembaga Pengarah perlu dianggotai sekurang-kurangnya dua (2) dan tidak lebih 12 ahli Lembaga Pengarah. Sehingga 31 Julai 2019, PDCTS mempunyai lima (5) orang Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan empat (4) orang ahli. Komposisi Lembaga Pengarah PDCTS terdiri daripada dua (2) orang pengarah berstatus bebas manakala tiga (3) berstatus bukan bebas.

6.1.5. Semakan Audit mendapati PDCTS hanya mengamalkan dua (2) daripada lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu mengenai fungsi dan peranan Ketua Pegawai Eksekutif serta Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Manakala enam (6) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat yang lain tidak diamalkan sepenuhnya iaitu mengenai peranan dan tanggungjawab Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalam. Selain itu, SOP perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebelum diguna pakai. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh PDCTS adalah seperti penemuan Audit berikut:

a. Pengerusi

- i. Mengikut Seksyen 211 Akta Syarikat 2016, MCCG 2017 Panduan 1.3 dan *Green Book* Perenggan 2.1.3, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah dinyatakan secara jelas dalam Piagam Lembaga Pengarah (*board charter*).
- ii. Semakan Audit mendapati Pengerusi PDCTS adalah YAB Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah dilantik melalui mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2017 bertarikh pada 3 November 2017. Semakan lanjut mendapati PDCTS mengguna pakai Piagam Lembaga Pengarah PDC mulai bulan Januari 2019. Bagaimanapun, piagam tersebut belum dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah PDCTS untuk kelulusan.

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

Piagam Lembaga Pengarah dan Kod Etika untuk wakil pengarah PDC dalam anak syarikat PDC dan PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. telah diluluskan untuk diterima pakai oleh Lembaga PDC pada 15 Januari 2019.

Pada pendapat Audit, Piagam Lembaga Pengarah (*board charter*) yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah adalah penting sebagai panduan dalam membuat keputusan yang jelas mengenai hal ehwal pengurusan PDCTS.

b. Lembaga Pengarah

- i. MCCG 2017 Amalan 3.1 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat. Semakan Audit mendapati PDCTS mengguna pakai Kod Tatalaku dan Etika PDC sebagai garis panduan dalam pengurusan pentadbiran syarikat. Bagaimanapun, Kod Tatalaku dan Etika tersebut belum dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah PDCTS untuk kelulusan.
- ii. Mengikut MCCG 2017 Amalan 2.1 Panduan 2.1, Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai Piagam Lembaga Pengarah yang jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan ahli Lembaga Pengarah secara individu. Semakan Audit mendapati PDCTS mengguna pakai Piagam Lembaga Pengarah PDC.

Bagaimanapun, Piagam Lembaga Pengarah tersebut belum dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah PDCTS untuk kelulusan.

- iii. Mengikut Seksyen 213 Akta Syarikat 2016, Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam melaksanakan tanggungjawabnya. *Green Book* Perenggan 1.4.4 pula menyatakan Lembaga Pengarah mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat.
- iv. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga Julai 2019, PDCTS tidak menyediakan perancangan dan peruntukan dalam bajet tahunan untuk tujuan latihan/kursus kepada ahli Lembaga Pengarah. Semakan selanjutnya mendapati bagi tempoh yang sama, tiada rekod menunjukkan ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri latihan/kursus berkaitan tadbir urus dan operasi syarikat. Ketiadaan akses pembelajaran yang berterusan boleh menjelaskan prestasi Lembaga Pengarah dalam memberi khidmat nasihat berkaitan operasi syarikat serta menilai prestasi syarikat.
- v. Mengikut MKD *Handbook* Perenggan 2.5(d), semua keputusan perniagaan yang material/signifikan hendaklah dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan bukan secara Resolusi Lembaga Pengarah (DCR). Semakan Audit mendapati bagi tahun 2016 dan 2017, mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak dua (2) kali setahun. Pada tahun 2018, mesyuarat telah diadakan sebanyak empat (4) kali. Bagaimanapun, kekerapan mesyuarat ini tidak mencukupi untuk membincangkan kesemua isu yang signifikan. Kesannya, sebanyak 59 keputusan berkaitan operasi syarikat telah dibuat melalui DCR dan bukan melalui mesyuarat Lembaga Pengarah. Butirannya seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH DAN KEPUTUSAN
MELALUI RESOLUSI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH	BILANGAN KEPUTUSAN MELALUI DCR
2016	2	19
2017	2	19
2018	4	21
JUMLAH	8	59

Sumber: Maklumat Resolusi Lembaga Pengarah daripada Setiausaha Syarikat

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

Piagam Lembaga Pengarah dan Kod Etika untuk wakil pengarah PDC dalam anak syarikat PDC dan PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. telah diluluskan untuk diterima pakai oleh Lembaga PDC pada 15 Januari 2019. Seterusnya, ianya akan dibentangkan untuk diterima pakai oleh PDCTS pada mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4/2019 yang dijadualkan pada 17 Disember 2019.

Untuk proses pembelajaran berterusan, pihak pengurusan PDC telah menganjurkan kursus Akta Syarikat 2016 pada 8 November 2017. Selain itu, satu (1) lagi kursus Akta Syarikat 2016,-*Impact on Directors & Companies* untuk semua Ahli Lembaga Pengarah syarikat PDC dan Kerajaan negeri diadakan pada 10 Disember 2018. Latihan kepada wakil pengarah PDC diuruskan oleh PDC dan PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. menggunakan bajet PDC. Perancangan dan peruntukan bajet bagi latihan/kursus kepada wakil pengarah PDC telah dimasukkan dalam bajet PDC. Latihan yang dinyatakan di perenggan (iii) di atas juga dibiayai sepenuhnya oleh PDC.

Berkaitan DCR, PDCTS akan membuat ratifikasi di mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4/2019 yang dijadualkan pada 17 Disember 2019.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan amalan terbaik seperti yang digariskan dalam MCCG 2017 dan *Green Book* penting bagi mencapai hasrat melahirkan Lembaga Pengarah berkompetensi tinggi untuk kemajuan syarikat. Selain itu, perkara ini dapat mengelakkan berlaku konflik kepentingan dan salah guna kuasa.

c. Setiausaha Syarikat

- i. Seksyen 235 hingga 242 Akta Syarikat 2016 menetapkan peraturan berhubung dengan pelantikan Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat hendaklah mematuhi Kod Etika Setiausaha Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam menjalankan tanggungjawabnya. Peranan utama Setiausaha Syarikat adalah membimbing, memberi panduan dan nasihat berkaitan peraturan dan peruntukan yang termaktub bagi sesuatu syarikat kepada ahli Lembaga Pengarah.

- ii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati ***tiada agenda dicadangkan oleh Setiausaha Syarikat untuk membentangkan Piagam Lembaga Pengarah dan Kod Etika Lembaga Pengarah.*** Perkara ini menyebabkan Lembaga Pengarah tidak peka mengenai peranan dan keperluan Kod Etika Lembaga Pengarah dan Piagam Lembaga Pengarah dalam pengurusan syarikat.

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

Piagam Lembaga Pengarah dan Kod Etika untuk wakil pengarah PDC dalam anak syarikat PDC dan PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. telah diluluskan untuk diterima pakai oleh Lembaga PDC pada 15 Januari 2019. Seterusnya, ianya akan dibentangkan untuk diterima pakai oleh PDCTS pada mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4/2019 yang dijadualkan pada 17 Disember 2019.

Pada pendapat Audit, peranan Setiausaha Syarikat adalah penting dalam membantu dan menasihati Lembaga Pengarah bagi mewujudkan Piagam Lembaga Pengarah dan Kod Etika Lembaga Pengarah yang merupakan salah satu elemen dalam sistem kawalan dalaman syarikat.

d. Standard Operating Procedures

- i. Mengikut MKD *Handbook* – Perenggan 1.9(c), 2.2(f), 3.25 hingga 3.28 Lembaga Pengarah hendaklah memastikan *Standard Operating Procedures* (SOP) merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh disediakan terhadap aspek kewangan dan pengurusan aktiviti syarikat. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati PDCTS menggunakan pakai SOP yang dikeluarkan oleh PDCPH serta Garis Panduan Proses Sebut Harga yang dikeluarkan oleh PDC (kemas kini pada bulan Disember 2018). Bagaimanapun, SOP tersebut belum dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PDCTS untuk kelulusan.

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

PDCTS telah menggunakan SOP PDC sebagai Garis Panduan dan menyelaraskan dengan kesesuaian operasi PDCTS. SOP ini akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PDCTS Bil. 4/2019 yang dijadualkan pada 17 Disember 2019 untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, SOP yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah adalah bagi memastikan pengurusan syarikat dibuat secara telus dan teratur.

e. Petunjuk Prestasi Utama

- i. *Green Book* Bahagian 1 dan Perenggan 3.2 menyatakan Lembaga Pengarah berperanan memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI).
- ii. Semakan Audit mendapati ***bagi tempoh tahun 2016 hingga 2017, KPI tidak disediakan bagi mengukur pencapaian dan prestasi syarikat.*** Perkara ini adalah kerana pengurusan PDCTS sebelum ini tidak peka keperluan untuk menyediakannya. PDCTS hanya menyediakan KPI untuk tahun 2018 dan 2019 yang telah menetapkan empat (4) KPI utama bagi mengukur prestasi syarikat iaitu Kewangan, Pelanggan, Pembelajaran dan Pertumbuhan Syarikat serta Proses Perniagaan Dalaman.

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 27 September 2019

Pengurusan PDCTS hanya menyediakan KPI bagi tahun 2018 dan 2019.

Pada pendapat Audit, KPI yang disediakan setiap tahun adalah bagi membolehkan PDCTS mengukur pencapaian dan prestasi aktiviti syarikat secara menyeluruh serta mengambil tindakan penyelarasan jika KPI yang ditetapkan tidak dapat dicapai.

f. Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam

- i. Mengikut MCCG 2017 *Intended Outcome* 8.0 dan *Green Book* Perenggan 1.2.1, Jawatankuasa Audit (JKA) hendaklah ditubuhkan bagi memainkan peranan yang berkesan dalam menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah. JKA berperanan meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat. Manakala MCCG 2017 Panduan 10.1, menyatakan Audit Dalam berperanan untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Pelaksanaan Audit Dalam dapat membantu JKA menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang memberi nilai tambah kepada aktiviti syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati ***PDCTS tidak menujuhkan JKA dan Unit Audit Dalam.*** Tanggungjawab pemantauan dan penilaian kawalan dalaman dilaksanakan oleh PDC selaku syarikat induk. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019, tiada pengauditan dijalankan oleh Unit Audit Dalam PDC di PDCTS.

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

Audit Review Committee (ARC) PDC diwujudkan oleh Lembaga PDC untuk mengkaji dan meneliti laporan pengauditan ke atas PDC dan anak syarikat PDC. Unit Audit Dalam PDC bertanggungjawab untuk melaksanakan pengauditan ke atas projek dan anak syarikat yang telah dijadual serta diluluskan dalam program audit tahunan. Tumpuan pengauditan adalah berdasarkan keperluan dan keutamaan yang dikenal pasti oleh pihak pengurusan serta diluluskan oleh ARC. Mengikut draf Program Audit Tahun 2020, PDCTS adalah termasuk dalam senarai pengauditan Unit Audit Dalam. Selain itu, PDCTS juga menjalankan pemeriksaan silang (*cross-checked*) di antara jabatan untuk proses penambahbaikan, pematuhan kepada SOP dan kawalan dalaman yang efisyen.

Pada pendapat Audit, PDCTS masih boleh merancang dan melaksanakan pemeriksaan dalaman walaupun Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan. Mekanisme pemantauan daripada JKA dan pemeriksaan dalaman secara berterusan dapat membantu PDCTS menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman serta tadbir urus.

6.2. Pengurusan Aktiviti

Selaras dengan objektif penubuhan syarikat, PDCTS telah melaksanakan dua (2) aktiviti utama iaitu pembinaan dan penyewaan struktur menara telekomunikasi. Sehingga bulan Julai 2019, PDCTS memiliki sebanyak 59 struktur menara telekomunikasi yang terdiri daripada tiga (3) jenis iaitu struktur menara kekal, sementara dan bumbung yang dibina mulai tahun 2006. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019, PDCTS telah membina 12 struktur menara melibatkan kos berjumlah RM4.36 juta. Pembinaan struktur menara melibatkan dua (2) kerja utama iaitu kerja kejuruteraan awam, elektrikal dan mekanikal (CME) serta kerja membekal struktur menara telekomunikasi.

6.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Pencapaian Output - Prestasi Bilangan Menara Telekomunikasi

- i. Aktiviti utama yang dilaksanakan oleh PDCTS adalah membina dan menyewakan struktur menara telekomunikasi. Secara umumnya, prestasi diukur daripada pertambahan atau pengurangan struktur menara telekomunikasi yang diuruskan kerana ia memberi kesan kepada peningkatan atau penurunan pendapatan PDCTS.
- ii. ***Syarikat tidak menyediakan perancangan strategik pada tahun 2016 hingga 2018 bagi pembinaan struktur menara telekomunikasi.*** PDCTS memaklumkan ketiadaan perancangan strategik tersebut adalah disebabkan pihak pengurusan sebelum tahun 2019 tidak peka terhadap keperluan untuk menyediakannya. Perancangan strategik hanya disediakan bagi tahun 2019 hingga 2022. Sehingga akhir tahun 2019, PDCTS menetapkan sasaran pembinaan 70 struktur menara secara keseluruhan dan pertambahan 10 struktur menara setiap tahun untuk tahun berikutnya.
- iii. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Julai 2019, sebanyak 59 struktur menara (84.3%) daripada 70 struktur menara yang disasarkan pada tahun 2019 telah siap dibina. Butirannya seperti dalam **Jadual 2**. Menurut PDCTS, perancangan bagi pembinaan 11 lagi struktur menara tidak dapat diteruskan kerana PDCTS masih belum mendapat kelulusan tapak pembinaan daripada Kerajaan negeri.

JADUAL 2
BILANGAN STRUKTUR MENARA TELEKOMUNIKASI
PADA TAHUN 2016 HINGGA BULAN JULAI 2019

BIL.	JENIS STRUKTUR MENARA	BILANGAN STRUKTUR MENARA TELEKOMUNIKASI (TAHUN)			
		2016	2017	2018	2019 (JULAI)
1.	Struktur Menara Kekal	30	32	35	41
2.	Struktur Menara Sementara	17	17	17	17
3.	Struktur Menara Bumbung	1	1	1	1
JUMLAH		48	50	53	59

Sumber: Fail Struktur Menara Telekomunikasi PDCTS

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

Perancangan strategik tahun 2019 hingga 2022 telah dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2019 bertarikh 11 Februari 2019. PDCTS telah membuat perancangan untuk membina 24 struktur telekomunikasi. Lawatan bersama agensi yang terlibat telah dilakukan pada 12 April 2018. Rumusan daripada hasil lawatan tersebut, sebanyak 11 permohonan telah dikemukakan untuk kelulusan tanah. Sehingga kini, permohonan bagi 11 struktur telekomunikasi masih dalam proses pertimbangan dan kelulusan agensi Kerajaan negeri.

Pada pendapat Audit, prestasi pembinaan struktur menara telekomunikasi adalah cekap. Pembinaan struktur menara telekomunikasi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana melibatkan faktor di luar kawalan PDCTS.

b. Pencapaian Output - Prestasi Penyewaan Struktur Menara Telekomunikasi

- i. PDCTS telah menyediakan KPI bagi tahun 2018 dan 2019. Bagaimanapun, hanya KPI tahun 2019 yang menetapkan sasaran bagi penyewaan struktur menara telekomunikasi. PDCTS menetapkan KPI 90% bagi struktur menara kekal dan struktur menara sementara untuk disewakan sekurang-kurangnya kepada tiga (3) syarikat telekomunikasi bagi setiap struktur menara.
- ii. Sehingga bulan Julai 2019, sebanyak 52 struktur menara telekomunikasi telah siap dibina dan disewakan kepada syarikat telekomunikasi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati hanya 39 (75%) struktur menara telekomunikasi telah disewakan kepada sekurang-kurangnya tiga (3) syarikat

telekomunikasi bagi setiap struktur menara. Butirannya seperti dalam **Jadual 3**. Menurut PDCTS, syarikat sedang berusaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan sehingga akhir tahun 2019.

JADUAL 3
PRESTASI PENYEWAAN STRUKTUR MENARA TELEKOMUNIKASI
PADA AKHIR BULAN JULAI 2019

BIL.	JENIS STRUKTUR MENARA	BILANGAN STRUKTUR MENARA*	BILANGAN PENYEWA BAGI SETIAP STRUKTUR MENARA		PERATUS PENYEWAAN 3 PENYEWA DAN LEBIH (%)
			KURANG 3 PENYEWA	3 PENYEWA DAN LEBIH	
1.	Struktur Menara Kekal	35	5	30	85.7
2.	Struktur Menara Sementara	17	8	9	52.9
JUMLAH		52	13	39	75

Sumber: Fail Struktur Menara Telekomunikasi PDCTS

Nota: * Analisis prestasi kewangan hanya dibuat bagi menara yang siap dibina dan beroperasi sebelum tahun 2019

- iii. Analisis selanjutnya mendapati penyewaan struktur menara kekal kepada tiga (3) dan lebih syarikat telekomunikasi bagi setiap struktur menara telah mencapai 85.7%, manakala penyewaan struktur menara sementara hanya mencapai 52.9%.

c. Pencapaian *Outcome* - Pendapatan Sewaan Struktur Menara Telekomunikasi

- i. Sumber pendapatan utama PDCTS adalah daripada aktiviti sewaan struktur menara telekomunikasi. PDCTS tidak menyediakan KPI pada tahun 2016 hingga 2017 bagi pendapatan penyewaan struktur menara telekomunikasi. KPI hanya disediakan mulai tahun 2018 dan 2019. PDCTS telah menetapkan KPI tahun 2018 dengan pertumbuhan pendapatan sehingga RM11.02 juta dan pertumbuhan keuntungan berjumlah RM7 juta.
- ii. Prestasi pendapatan aktiviti dinilai dengan membandingkan sasaran pendapatan dalam bajet yang diluluskan dengan pendapatan sebenar. Semakan Audit mendapati hasil pendapatan penyewaan struktur menara telekomunikasi pada tahun 2016 adalah berjumlah RM8.52 juta (116.2%) berbanding sasaran yang ditetapkan berjumlah RM7.33 juta. Pencapaian ini adalah yang tertinggi berbanding tahun 2017 dan 2018. Pendapatan bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM8.54 juta (95.7%) berbanding RM8.92 juta yang disasarkan. Manakala bagi tahun 2018, PDCTS telah memperoleh RM8.93 juta (96.6%) daripada RM9.24 juta pendapatan yang disasarkan. Secara keseluruhannya, prestasi pendapatan PDCTS adalah baik di mana

telah mencapai lebih 90% daripada sasaran yang ditetapkan. Prestasi pendapatan penyewaan struktur menara berbanding sasaran yang ditetapkan adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN PENDAPATAN PENYEWAAN STRUKTUR MENARA TELEKOMUNIKASI
BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

JENIS STRUKTUR MENARA	2016			2017			2018		
	SASAR (RM Juta)	SEBENAR		SASAR (RM Juta)	SEBENAR		SASAR (RM Juta)	SEBENAR	
		RM Juta	%		RM Juta	%		RM Juta	%
Struktur Menara Kekal	4.51	5.59	123.9	5.93	5.53	93.3	6.44	6.19	96.1
Struktur Menara Sementara	2.75	2.86	104	2.92	2.94	100.7	2.50	2.67	106.8
Struktur Menara Bumbung	0.07	0.07	100	0.07	0.07	100	0.30	0.07	23.3
JUMLAH	7.33	8.52	116.2	8.92	8.54	95.7	9.24	8.93	96.6

Sumber: Bajet Pendapatan dan Penyata Kewangan bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

- iii. Prestasi keseluruhan pendapatan penyewaan struktur menara PDCTS bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PRESTASI KESELURUHAN PENDAPATAN PENYEWAAN STRUKTUR MENARA
TELEKOMUNIKASI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	JENIS STRUKTUR MENARA	PENDAPATAN PENYEWAAN (RM)			JUMLAH (RM)
		2016	2017	2018	
1.	Struktur Menara Kekal	5,591,722	5,530,365	6,191,383	17,313,470
2.	Struktur Menara Sementara	2,862,000	2,938,695	2,668,800	8,469,495
3.	Struktur Menara Bumbung	72,000	72,000	72,000	216,000
JUMLAH PENDAPATAN		8,525,722	8,541,060	8,932,183	25,998,965

Sumber: Penyata Kewangan PDCTS

- iv. Penyumbang utama pendapatan adalah hasil daripada penyewaan struktur menara kekal. Secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, pendapatan penyewaan struktur menara kekal adalah berjumlah RM17.31 juta. Pada tahun 2016, PDCTS telah menjana pendapatan penyewaan struktur menara kekal berjumlah RM5.59 juta tetapi telah menurun kepada RM5.53 juta pada tahun 2017 iaitu pengurangan sejumrah RM61,357 (1.1%). Pendapatan ini telah meningkat kepada RM6.19 juta pada tahun 2018 iaitu peningkatan sejumrah RM0.66 juta (11.9%).
- v. Pendapatan penyewaan struktur menara sementara telah meningkat daripada RM2.86 juta pada tahun 2016 kepada RM2.94 juta pada tahun

2017 iaitu peningkatan sejumlah RM76,695 (2.7%). Bagaimanapun, pendapatan penyewaan ini telah menurun kepada RM2.67 juta pada tahun 2018 iaitu penurunan sejumlah RM269,895 (9.2%) berbanding tahun 2017. Perkara ini disebabkan PDCTS telah melaksanakan pelarasan harga selaras dengan terma perjanjian sewaan antara PDCTS dan syarikat telekomunikasi. Jumlah keseluruhan pendapatan penyewaan struktur menara sementara bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah berjumlah RM8.47 juta.

- vi. Pendapatan penyewaan struktur menara bumbung adalah kekal berjumlah RM72,000 setiap tahun bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 dengan keseluruhan pendapatan berjumlah RM216,000.

Pada pendapat Audit, aktiviti penyewaan struktur menara telekomunikasi telah diuruskan dengan cekap dan jumlah pendapatan sewaan telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

6.2.2. Pelaksanaan Aktiviti

a. Perolehan Pembinaan Struktur Menara Telekomunikasi

- i. *Standard Operating Procedures* (SOP) menetapkan perolehan pembelian peralatan/barang-barang/arahan kerja dan perkhidmatan yang bernilai RM50,000 hingga RM200,000 perlu dibuat melalui sebut harga dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Manakala perolehan bernilai RM200,001 dan ke atas perlu dibuat melalui tender.
- ii. Semakan Audit mendapati pelantikan dua (2) kontraktor bagi melaksanakan dua (2) daripada 12 projek pembinaan bernilai melebihi RM200,000 dibuat secara lantikan terus dan tidak secara tender. Bagaimanapun, perolehan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah iaitu satu (1) melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan satu (1) lagi melalui DCR. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PEROLEHAN BAGI PEMBINAAN STRUKTUR MENARA
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018 TIDAK MENGIKUT SOP

BIL.	NAMA STRUKTUR MENARA/PROJEK	TARIKH MULA PROJEK	MAKLUMAT KERJA	HARGA KONTRAK (RM)	KAEDAH PEROLEHAN
1.	Bandar Cassia	14.03.2016	CME dan Struktur	281,170	Lantikan Terus
2.	Pulau Betong	10.04.2017	CME dan Struktur	423,929	Lantikan Terus

Sumber: Senarai Projek bagi Tahun 2016 Hingga 2019

Nota: (CME) – Kerja Kejuruteraan Awam, Elektrikal dan Mekanikal

- iii. Menurut PDCTS, pemilihan kontraktor secara lantikan terus bagi projek di Bandar Cassia disebabkan kontraktor berkemampuan untuk memberi perkhidmatan secara menyeluruh iaitu membekal, memasang, menyiapkan kerja berkaitan struktur dan CME serta dapat menjimatkan masa.
- iv. Pemilihan kontraktor secara lantikan terus bagi projek di Pulau Betong pula adalah berdasarkan justifikasi kontraktor berkeupayaan untuk memberi perkhidmatan secara *design and build* dan menguruskan segala dokumentasi sejak tahun 2013.

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

Perolehan bagi kerja yang dinyatakan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui DCR dan akan dibentangkan untuk pengesahan kelulusan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PDCTS Bil. 4/2019 pada 17 Disember 2019.

Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor secara lantikan terus menyebabkan syarikat tidak dapat membuat perbandingan harga serta menilai sama ada harga yang ditawarkan adalah yang terbaik dan *value for money*. Di samping itu, amalan membuat keputusan penting melalui DCR bukanlah cara terbaik kerana ia tidak memberi ruang kepada sesi perbincangan. Perbincangan Lembaga Pengarah adalah elemen penting dalam memperoleh sesuatu keputusan terbaik.

b. Kelulusan Perolehan Pembinaan Struktur Menara

- i. PDCTS telah melaksanakan 12 projek pembinaan struktur menara kekal bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019. Projek pembinaan struktur menara yang dilaksanakan adalah kerja pembinaan tapak melibatkan CME serta pembekalan struktur menara telekomunikasi.
- ii. Berdasarkan SOP perolehan, setiap perolehan berjumlah melebihi RM200,000 hendaklah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati **pemilihan kontraktor bagi melaksanakan enam (6) kerja CME, satu (1) kerja pembekalan struktur menara serta satu (1) kerja CME dan pembekalan struktur menara yang bernilai melebihi RM200,000 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui**

DCR. Pemilihan tersebut tidak dibentang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Maklumat kelulusan perolehan struktur menara seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KELULUSAN PEROLEHAN YANG DIBUAT
TIDAK MELALUI MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

BIL.	PROJEK PEMBINAAN STRUKTUR MENARA	MAKLUMAT KERJA	HARGA KONTRAK (RM)	KAEDAH PEROLEHAN
1.	Honda Plant	CME	367,956	Tender
2.	Villa Tanjung Permai	CME	200,209	Tender
3.	West BKIP	CME	310,843	Tender
4.	Cresentia Park	CME	200,009	Tender
5.	2nd Bridge	CME	330,336	Tender
6.	Penang Science Park	CME	251,329	Tender
		Pembekalan Struktur Menara	220,000	Tender
7.	Pulau Betong	CME dan Pembekalan Struktur Menara	423,929	Lantikan Terus
JUMLAH			2,304,611	

Sumber: Maklumat Struktur Menara Telekomunikasi PDCTS

Nota: (CME) – Kerja Kejuruteraan Awam, Elektrikal dan Mekanikal

- iii. Surat tawaran projek pembinaan struktur menara kepada kontraktor yang dilantik telah menetapkan tarikh mula dan tarikh siap projek. Semakan Audit mendapati lima (5) daripada 12 projek pembinaan struktur menara bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019 telah disiapkan melebihi tempoh siap asal yang ditetapkan.
- iv. Semakan Audit selanjutnya terhadap fail projek mendapati Arahan Perubahan Kerja (APK) telah dikeluarkan oleh PDCTS bagi lima (5) projek tersebut. Dua (2) projek masing-masing mempunyai satu (1) APK manakala tiga (3) projek lagi masing-masing mempunyai dua (2) APK.
- v. Lima (5) projek tersebut telah diberikan lanjutan masa (EOT) bagi menyiapkan APK yang dikeluarkan oleh PDCTS. Bagaimanapun, dua (2) daripadanya gagal disiapkan dalam tempoh EOT yang diberikan. Kontraktor tersebut telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan [*Liquidated and Ascertained Damages (LAD)*] berjumlah RM3,000 dan RM9,000. Manakala tiga (3) projek lagi telah berjaya disiapkan dalam tempoh EOT dan tiada LAD dikenakan. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
STRUKTUR MENARA DISIAPKAN MELEBIHI TEMPOH SIAP ASAL PROJEK

BIL.	NAMA STRUKTUR MENARA	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP SELEPAS EOT	TARIKH SIAP	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	KOS PROJEK (RM)	BIL. APK	LAD (RM)
1	Bandar Cassia	20.04.2016	12.10.2016	12.10.2016	0	289,793	2	-
2	Pulau Betong	09.06.2017	14.07.2017	14.07.2017	0	424,515	1	-
3	BJCC	05.08.2018	17.12.2018	17.12.2018	0	327,263	2	-
4	Design Village	31.12.2018	30.04.2019	03.05.2019	3	290,483	2	3,000
5	East BKIP	30.04.2019	06.05.2019	15.05.2019	9	354,560	1	9,000

Sumber: Maklumat Struktur Menara Telekomunikasi PDCTS

Nota: (EOT) - Lanjutan Masa

(APK) - Arahan Perubahan Kerja

(LAD) - Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 27 September 2019 dan 17 Oktober 2019

Projek Design Village sepatutnya disiapkan pada 30 April 2019. Namun demikian, ianya telah lewat selama tiga (3) hari. PDCTS telah mengeluarkan LAD berjumlah RM3,000 kepada kontraktor. Namun, kontraktor telah membuat rayuan dan memberikan justifikasi yang boleh diterima memandangkan keadaan cuaca yang tidak menentu pada bulan April dan kerja di tapak tidak dapat dijalankan. Oleh yang demikian, PDCTS telah bersetuju untuk menerima rayuan kontraktor dan meluluskan bagi pengecualian bayaran LAD.

Manakala projek East BKIP sepatutnya disiapkan pada 6 Mei 2019, namun telah lewat selama sembilan (9) hari. PDCTS telah mengeluarkan LAD berjumlah RM9,000 kepada kontraktor. Namun, kontraktor telah membuat rayuan dan memberikan justifikasi yang boleh diterima memandangkan keadaan cuaca yang tidak menentu pada bulan April dan kerja di tapak tidak dapat dijalankan. Oleh yang demikian, PDCTS hanya bersetuju untuk menerima rayuan kontraktor dan LAD dikurangkan daripada RM9,000 kepada RM5,000.

Pada pendapat Audit, kekerapan bilangan mesyuarat yang rendah memberi kesan kepada proses kelulusan projek oleh Lembaga Pengarah. Selain itu dari segi pelaksanaan projek, APK yang dikeluarkan semasa projek sedang dijalankan menjelaskan tempoh penyiapan projek.

c. Kelulusan Pelan Bangunan Daripada Pihak Berkuasa Tempatan

- i. Mengikut Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2002, pemaju atau pemberi perkhidmatan tidak boleh membina apa-apa menara atau struktur sistem pemancar tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan pelan bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bayaran permit tahunan berjumlah RM5,000 akan dikenakan oleh PBT setiap tahun bagi setiap menara telekomunikasi yang telah diluluskan oleh PBT untuk beroperasi.
- ii. Semakan Audit terhadap rekod bayaran permit tahunan yang dibayar oleh PDCTS kepada PBT mendapati tiada maklumat berkaitan pembayaran permit tahunan bagi lima (5) struktur menara. Menurut PDCTS, ***lima (5) struktur menara yang terlibat tidak mendapat kelulusan pelan bangunan daripada PBT sejak beroperasi antara tahun 2006 hingga 2014.***
- iii. Semakan lanjut mendapati PDCTS telah menerima notis binaan tanpa kebenaran dan notis mengosongkan bangunan pada bulan Januari 2019. Notis diterima dari PBT bagi dua (2) daripada lima (5) struktur menara yang terlibat iaitu struktur menara Kampung Tok Bedu dan struktur menara Cherok Tok Kun. PDCTS telah mengemukakan rayuan kepada PBT iaitu Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada bulan Januari 2019. Sehingga bulan Julai 2019, tiada maklum balas diterima daripada MBSP. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
STRUKTUR MENARA YANG BEROPERASI TANPA KELULUSAN PBT

BIL.	NAMA STRUKTUR MENARA	JENIS STRUKTUR MENARA	LOKASI STRUKTUR MENARA	TARIKH MULA OPERASI
1.	Bukit Teh	Kekal	Seberang Perai Tengah	02.05.2006
2.	Cerok Tok Kun	Kekal	Seberang Perai Tengah	13.09.2007
3.	Kg Tok Bedu	Kekal	Seberang Perai Utara	28.09.2007
4.	Permatang Bendahari	Kekal	Seberang Perai Utara	01.01.2014
5.	Taman Duku	Sementara	Seberang Perai Tengah	01.01.2013

Sumber: Maklumat Struktur Menara Telekomunikasi PDCTS

- iv. Menurut PDCTS, perkara ini berlaku disebabkan pengurusan lama PDCTS tidak mendapatkan kelulusan pelan bangunan daripada pihak PBT terlebih dahulu sebelum pembinaan struktur menara dilaksanakan. Akibat daripada

ketidakpatuhan terhadap peraturan berkaitan, syarikat akan menghadapi risiko kehilangan sumber pendapatan sewaan daripada lima (5) struktur menara berkenaan sekiranya struktur menara tersebut dirobohkan. Selain itu, PDCTS perlu menanggung kos pembinaan struktur menara baharu dengan anggaran melebihi RM200,000 setiap struktur menara. Struktur Menara yang dibina tanpa kelulusan PBT adalah seperti dalam **Gambar 1** dan **2**.

GAMBAR 1



Tasek Gelugor, Pulau Pinang
Struktur Menara Kampung Tok Bedu
-Struktur Menara Dibina Tanpa Kelulusan PBT
(17.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Bukit Mertajam, Pulau Pinang
Struktur Menara Cherok Tok Kun
-Struktur Menara Tanpa Kelulusan PBT
(17.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

Permohonan kelulusan terdahulu yang diperoleh antara tahun 2006 hingga 2009 telah terbatal dengan pemakaian Garis Panduan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan negeri pada tahun 2009. Justeru, PDCTS telah mengemukakan permohonan baru pada tahun 2015 untuk tapak yang terbatal kelulusan sebelum ini setelah Kerajaan negeri menambah baik Garis Panduan pada tahun tersebut.

Pada pendapat Audit, pembinaan menara tanpa kelulusan PBT berisiko dikenakan tindakan penguatkuasaan.

d. Struktur Menara Telekomunikasi Tidak Beroperasi

- i. Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2002, Perenggan 7.1 menyatakan pemaju atau pemberi kemudahan sistem rangkaian hendaklah merobohkan segera mana-mana menara struktur sistem pemancar telekomunikasi yang tidak lagi digunakan.
- ii. Semakan Audit terhadap senarai aset tetap PDCTS dan pendapatan sewaan struktur menara mendapati tiga (3) struktur menara yang terdapat dalam senarai aset tidak menerima sewaan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.

Menurut PDCTS, tiga (3) struktur menara tersebut tidak menerima hasil sewaan kerana tidak lagi beroperasi sejak tahun 2011 apabila mendapat arahan pemberhentian operasi daripada PBT. Struktur menara yang terlibat adalah struktur menara jenis sementara iaitu struktur menara Jalan Masjid Negeri, Changkat Minden dan Desaria. PDCTS juga memaklumkan secara lisan bahawa struktur menara tidak dirobohkan kerana PDCTS merancang untuk mengoperasikan semula struktur menara tersebut. Lawatan Audit ke kawasan struktur menara Jalan Masjid Negeri dan Changkat Minden pada 16 Julai 2019 mendapati struktur menara masih dijaga dengan baik seperti dalam **Gambar 3** dan **4**.

GAMBAR 3



George Town, Pulau Pinang
Struktur Menara Jalan Masjid Negeri
- Struktur Menara Sementara Tidak Beroperasi
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Bayan Lepas
Struktur Menara Changkat Minden
- Struktur Menara Sementara Tidak Beroperasi
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Lawatan Audit ke kawasan struktur menara Desa Ria pada 16 Julai 2019 pula mendapati struktur menara yang tidak lagi beroperasi terletak di kawasan belukar. Pihak Audit tidak dapat menghampiri kawasan struktur menara tersebut kerana laluan telah dihalang oleh pokok yang tumbang dan semak samun seperti dalam **Gambar 5** dan **6**.

GAMBAR 5



Bayan Lepas, Pulau Pinang
Struktur Menara Desa Ria
- Struktur Menara Sementara
Tidak Beroperasi
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Bayan Lepas, Pulau Pinang
Struktur Menara Desa Ria
- Keadaan Laluan ke Struktur Menara
yang Terhalang
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

Merujuk kepada notis yang diberikan oleh PBT, ianya adalah untuk pemberhentian operasi dan bukan notis untuk merobohkan struktur telekomunikasi. Dalam perancangan PDCTS, tapak tersebut akan beroperasi semula di masa hadapan.

e. Penyenggaraan Kawasan Persekutaran Struktur Menara

- i. Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2002, Perenggan 5.1 menetapkan kawasan persekitaran menara hendaklah sentiasa disenggarakan dengan baik termasuk kerja landskap dan pembersihan untuk memastikan kawasan menara sentiasa terjaga dengan kemas dan teratur.
- ii. Semakan Audit mendapati PDCTS telah melantik sebuah syarikat melalui surat tawaran penyambungan kontrak pembersihan bertarikh 20 November 2017. Tujuan lantikan adalah untuk menjalankan kerja pembersihan di 24 tapak struktur menara di Seberang Perai. Kontrak ini berkuatkuasa bagi tempoh 24 bulan mulai 10 Januari 2018 hingga 9 Januari 2020. Syarikat yang sama juga telah ditawarkan penyambungan kontrak pembersihan bertarikh 1 April 2019 untuk menjalankan kerja pembersihan di 27 tapak struktur menara di Pulau Pinang. Kontrak ini berkuatkuasa bagi tempoh 12 bulan mulai 17 April 2019 hingga 16 April 2020.
- iii. Skop kerja yang ditetapkan adalah melaksanakan kerja pembersihan di sekitar tapak struktur menara antaranya memotong rumput, membersihkan semak samun dan membuang sampah sarap. Selain itu, kontraktor juga perlu membaiki kerosakan kecil yang berlaku di tapak struktur menara seperti kerosakan pagar dan melaporkannya kepada PDCTS. Aliran kerja pembersihan sehingga pembayaran dibuat adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
ALIRAN KERJA PEMBERSIHAN SEHINGGA PEMBAYARAN DIBUAT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Semakan Audit mendapati laporan kerja pembersihan dan laporan kerosakan kecil (jika ada) daripada kontraktor serta borang pengesahan daripada pegawai PDCTS (*Site Clearance Audit Form*) ada dikepilkkan bersama baucar bayaran. Bagaimanapun, dokumen berkenaan tidak difailkan secara lengkap di Bahagian Teknikal dan menimbulkan kesukaran untuk membuat semakan dan pengesahan.
- v. Lawatan Audit pada bulan Jun dan Julai 2019 ke lokasi 25 struktur menara telekomunikasi mendapati perkara berikut:
 - Persekutuan di 17 struktur menara telah disenggara dengan baik. Bagaimanapun berlaku kerosakan dawai pagar dan/atau kerosakan pintu di lapan (8) lokasi struktur menara. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 10** dan dalam **Gambar 7** hingga **15**.

JADUAL 10
SENARAI LOKASI STRUKTUR MENARA YANG MENGALAMI KEROSAKAN PAGAR

BIL.	NAMA STRUKTUR MENARA	JENIS KEROSAKAN		LOKASI
		DAWAI PAGAR	PINTU PAGAR	
1.	Bayan Bay	/	-	Daerah Barat Daya
2.	Kampung Seronok	/	-	Daerah Barat Daya
3.	Permatang Bendahari	/	-	Seberang Perai Utara
4.	Kampung Tok Bedu	/	-	Seberang Perai Utara
5.	Bukit Teh	/	-	Seberang Perai Tengah
6.	Cerok To'Kun	/	-	Seberang Perai Tengah
7.	Taman Ara Indah	/	/	Seberang Perai Tengah
8.	UiTM	-	/	Seberang Perai Tengah

Sumber: Laporan Lawatan Audit ke Tapak Struktur Menara

GAMBAR 7



Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
Struktur Menara Bayan Bay
- Kerosakan Dawai Pagar
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
Struktur Menara Kampung Seronok
- Kerosakan Dawai Pagar
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
Struktur Menara Permatang Bendahari
- Kerosakan Dawai Pagar
(17.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
Struktur Menara Kampung Tok Bedu
- Kerosakan Dawai Pagar
(17.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
Struktur Menara Bukit Teh
- Kerosakan Dawai Pagar
(17.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
Struktur Menara Cerok To'Kun
- Kerosakan Dawai Pagar
(17.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
Struktur Menara Taman Ara Indah
- Kerosakan Dawai Pagar
(17.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
Struktur Menara Taman Ara Indah
- Kerosakan Pintu Pagar
(17.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 15

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
Struktur Menara UiTM
- Kerosakan Pintu Pagar
(17.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Berlaku mendapan tanah di dua (2) lokasi iaitu di struktur menara Crestentia Park dan struktur menara Kampung Seronok. Semakan Audit mendapati struktur menara Crestentia Park telah siap dibina pada bulan April 2019 dan masih belum beroperasi.
- Manakala kerja pembersihan terakhir yang dijalankan di struktur menara Kampung Seronok adalah pada bulan Mei 2019. Semakan lanjut terhadap laporan pengesahan kerja pembersihan oleh pegawai PDCTS yang dikepulkan bersama baucar bayaran mendapati tiada laporan kerosakan disertakan oleh kontraktor. Mendapan dan hakisan tanah adalah seperti dalam **Gambar 16 hingga 19**.

GAMBAR 16



Batu Kawan, Pulau Pinang
Struktur Menara Crestentia Park
- Mendapan Tanah Menyebabkan Keretakan Simen
di Sekeliling Struktur Menara
(19.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Batu Kawan, Pulau Pinang
Struktur Menara Crestentia Park
- Mendapan Tanah Menyebabkan Keretakan Simen
di Sekeliling Struktur Menara
(19.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18



Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
Struktur Menara Kampung Seronok
- Hakisan Tanah di Tepi Pagar Struktur Menara
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
Struktur Menara Kampung Seronok
- Hakisan Tanah di Tepi Pagar Struktur Menara
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

Tindakan susulan telah dilakukan oleh PDCTS dengan menjalankan proses panggilan sebutharga bagi membaiki semua kerosakan di tapak milik syarikat. Proses panggilan sebutharga tersebut dijalankan bermula dari tarikh 30 September 2019 hingga 14 Oktober 2019. Bagi mendapan di struktur menara Cresentia Park, tindakan pembaikan telah dilakukan oleh kontraktor yang membina dan menyiapkan projek tersebut disebabkan tapak tersebut masih dalam masa tempoh jaminan kecacatan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan penyenggaraan di kawasan persekitaran menara secara berkala dapat memastikan struktur menara berada dalam keadaan baik dan selamat.

f. Pengurusan Tunggakan Hasil Sewaan Struktur Menara

- i. Mengikut terma perjanjian penyewaan struktur menara telekomunikasi antara PDCTS dan syarikat telekomunikasi, sewaan dan bil elektrik perlu dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh terima invois daripada PDCTS. Invois yang tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut akan dikategorikan sebagai tunggakan.
- ii. Semakan Audit terhadap lejar penghutang perniagaan mendapati **tunggakan hasil penyewaan struktur menara adalah berjumlah RM2.21 juta pada akhir bulan Jun 2019. Tempoh tunggakan adalah antara satu (1) bulan hingga melebihi**

enam (6) bulan. Butiran tunggakan hasil sewaan struktur menara pada akhir bulan Jun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 11.**

JADUAL 11
TUNGGAKAN HASIL SEWAAN STRUKTUR MENARA PADA AKHIR BULAN JUN 2019

BIL.	NAMA SYARIKAT TELEKOMUNIKASI	TUNGGAKAN HASIL SEWAAN (TEMPOH)			JUMLAH KESELURUHAN (RM)
		KURANG 3 BULAN (RM)	3 HINGGA 5 BULAN (RM)	6 BULAN DAN KE ATAS (RM)	
1.	Syarikat Telekomunikasi A	86,362	62,558	35,365	184,285
2.	Syarikat Telekomunikasi B	50,738	59,277	9,250	119,265
3.	Syarikat Telekomunikasi C	100,000	1,050,000	0	1,150,000
4.	Syarikat Telekomunikasi D	55,415	0	0	55,415
5.	Syarikat Telekomunikasi E	111,395	172,139	0	283,534
6.	Syarikat Telekomunikasi F	252,365	141,718	0	394,083
7.	Syarikat Telekomunikasi G	24,506	0	0	24,506
JUMLAH		680,781	1,485,692	44,615	2,211,088

Sumber: *Debtors Aging Summary* pada 30 Jun 2019

Maklum Balas PDCTS yang Diterima pada 17 Oktober 2019

Perincian kepada jumlah yang dinyatakan RM2.21 juta adalah seperti berikut:

- i. jumlah ini juga termasuk RM0.90 juta yang telah dibilang kepada Syarikat Telekomunikasi C oleh PDCTS pada bulan April 2019 sebagai caj sewa untuk tahun 2016 hingga 2018.
- ii. ini merupakan antara tindakan proaktif yang diambil oleh pengurusan semasa untuk menuntut balik jumlah yang tidak dibilang oleh pengurusan terdahulu. Baki bersih tunggakan tidak termasuk RM0.90 juta ini hanya RM1.31 juta sahaja (peningkatan yang realistik ke atas tunggakan RM3.06 juta seperti yang dilaporkan semasa sesi pengauditan terdahulu pada tahun 2012). Invois Syarikat Telekomunikasi C pada 19 April 2019 telah dibatalkan dan invois baru dikeluarkan semula pada 1 Ogos 2019. Invois baru dikeluarkan atas permintaan Syarikat Telekomunikasi C bagi kawalan dalaman mereka.

Pada pendapat Audit, PDCTS perlu memberi perhatian kepada pengurusan tunggakan hasil penyewaan dengan mewujudkan mekanisme yang berkesan untuk menguruskan tunggakan tersebut.

6.3. Kedudukan Kewangan

6.3.1. Analisis terhadap kedudukan kewangan PDCTS bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah dilaksanakan berdasarkan kedudukan kewangan syarikat merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai. Butirannya seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018

BUTIRAN	2016	2017	2018
	(RM)	(RM)	(RM)
Pendapatan	9,408,722	9,839,497	10,478,801
Lain-lain Pendapatan	987,375	1,045,185	441,436
JUMLAH PENDAPATAN	10,396,097	10,884,682	10,920,237
Kos langsung	(3,119,723)	(2,900,599)	(3,580,738)
Perbelanjaan Pentadbiran	(1,533,676)	(6,666,441)	(2,307,385)
Perbelanjaan Operasi	0	(716)	(11,614)
JUMLAH PERBELANJAAN	(4,653,399)	(9,567,756)	(5,899,737)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	5,742,698	1,316,926	5,020,500
Cukai	1,215,844	75,901	938,106
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	4,526,854	1,241,025	4,082,394
Dividen	0	(19,999,950)	(4,000,500)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	28,249,489	9,490,564	9,572,458
JUMLAH ASET	33,162,249	14,276,682	15,338,464
JUMLAH LIABILITI	3,412,760	3,286,118	4,266,006
JUMLAH EKUITI	29,749,489	10,990,564	11,072,458
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	33,162,249	14,276,682	15,338,464
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	29,460,485	9,279,172	10,606,131

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PDCTS bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.2. Pendapatan PDCTS terdiri daripada hasil sewaan struktur menara telekomunikasi serta lain-lain pendapatan antaranya faedah daripada bank, tuntutan bil elektrik daripada penyewa, terimaan hasil jualan borang tender dan pelbagai terimaan lain. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, pendapatan PDCTS menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Analisis Audit mendapati pendapatan PDCTS pada tahun 2017 adalah berjumlah RM10.88 juta iaitu peningkatan sejumlah RM488,585 (4.7%) berbanding RM10.40 juta pada tahun 2016. Seterusnya meningkat kepada RM10.92 juta pada tahun 2018 iaitu peningkatan sejumlah RM35,555 (0.3%). Peningkatan jumlah pendapatan ini antaranya disumbangkan oleh peningkatan pendapatan sewaan struktur menara telekomunikasi. Manakala lain-lain pendapatan syarikat menunjukkan penurunan sejumlah RM0.6 juta (57.8%) kepada RM441,436 pada tahun 2018 berbanding RM1.05 juta pada tahun 2017.

Penurunan lain-lain pendapatan syarikat adalah kesan daripada pengurangan faedah bank bagi pelaburan jangka pendek (*Management Fund*).

6.3.3. Perbelanjaan PDCTS meliputi perbelanjaan pentadbiran, perbelanjaan operasi dan kos langsung syarikat. Perbelanjaan pentadbiran meliputi kos kakitangan, manfaat pekerja, belanja pengiklanan, perkhidmatan profesional, belanja am dan sumbangan wang tunai.

6.3.4. Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan meningkat dengan ketara iaitu daripada RM4.65 juta pada tahun 2016 kepada RM9.57 juta (105.8%) pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan PDCTS telah memberi sumbangan tunai kepada Kerajaan negeri berjumlah RM5 juta pada tahun 2017. Pemberian sumbangan tunai oleh syarikat subsidiari PDC telah dicadangkan dan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga PDC Bil. 6/2017 bertarikh 5 Disember 2017. Berdasarkan kepada keputusan mesyuarat tersebut, Lembaga Pengarah PDCTS telah bersetuju untuk memberi sumbangan tersebut sebagai tanda penghargaan dan sokongan yang berterusan kepada Kerajaan negeri.

6.3.5. Pada tahun 2018, PDCTS mencatatkan penurunan perbelanjaan sejumlah RM3.67 juta (38.3%) iaitu daripada RM9.57 juta pada tahun 2017 kepada RM5.90 juta pada tahun 2018. Ini adalah kerana pada tahun 2018, PDCTS hanya memberi sumbangan kepada Kerajaan negeri berjumlah RM22,997 di samping perbelanjaan keseluruhan PDCTS berjumlah RM5.90 juta. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Carta 3**.

6.3.6. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 telah memberi kesan kepada penurunan dan peningkatan keuntungan sebelum cukai syarikat bagi tempoh tiga (3) tahun tersebut. PDCTS telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM5.74 juta pada tahun 2016 dan menurun kepada RM1.32 juta pada tahun 2017 iaitu penurunan sejumlah RM4.42 juta (77%). Bagaimanapun, pada tahun 2018 PDCTS kembali mencatat keuntungan sebelum cukai dengan peningkatan sejumlah RM3.7 juta (281.2%).

6.3.7. PDCTS mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM28.25 juta pada tahun 2016 dan menurun kepada RM9.49 juta pada tahun 2017 iaitu penurunan sejumlah RM18.76 juta (66.4%). Penurunan ketara keuntungan terkumpul PDCTS disebabkan PDCTS telah membuat pembayaran dividen berjumlah RM19.99 juta kepada pemegang syer iaitu PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. (PDCPH) pada tahun 2017. Pembayaran dividen ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PDCTS pada 3 November 2017 melalui mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2017. Pembayaran


dividen ini merupakan kali pertama dibuat sejak PDCTS mula beroperasi pada tahun 2005.

6.3.8. Pada tahun 2018, PDCTS mencatatkan peningkatan keuntungan terkumpul berjumlah RM81,894 (0.9%) dari tahun 2017. Peningkatan keuntungan terkumpul setelah mengambil kira pembayaran dividen sejumlah RM4 juta kepada PDCPH pada tahun 2018. Pembayaran dividen ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 5 Disember 2018 melalui mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4/2018.


6.3.9. Semakan selanjutnya mendapati pembayaran dividen berjumlah RM19.99 juta pada tahun 2017 adalah melebihi daripada keuntungan selepas cukai tahun semasa yang berjumlah RM1.24 juta. Oleh itu, PDCTS telah menggunakan keuntungan terkumpul bagi pembayaran dividen berkenaan. Manakala pembayaran dividen pada tahun 2018 berjumlah RM4 juta adalah 98% daripada keuntungan selepas cukai tahun berkenaan. Bagaimanapun, PDCTS masih mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM9.49 juta pada tahun 2017 dan RM9.57 juta pada tahun 2018.

6.3.10. Trend Keuntungan Sebelum Cukai dan Keuntungan Terkumpul bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Carta 4**.

CARTA 3
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018



CARTA 4
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.11. Komponen aset PDCTS meliputi struktur menara telekomunikasi, peralatan telekomunikasi, harta dan peralatan pejabat, pelaburan jangka pendek serta tunai dan kesetaraan tunai. PDCTS merekodkan aset berjumlah RM33.16 juta,

RM14.28 juta dan RM15.34 juta masing-masing bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. Peningkatan dan penurunan aset PDCTS dipengaruhi oleh pelaburan jangka pendek dan deposit tetap. Liabiliti PDCTS juga menunjukkan trend penurunan dan peningkatan iaitu berjumlah RM3.41 juta pada tahun 2016, RM3.29 juta pada tahun 2017 dan RM4.27 juta pada tahun 2018. Kedudukan aset PDCTS melebihi liabiliti bagi tiga (3) tahun berturut-turut.

6.3.12. Purata nisbah kecairan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah 5.8:1. Tahap kecairan syarikat bagi tempoh tersebut adalah stabil di mana PDCTS mampu untuk memenuhi obligasi jangka pendeknya pada bila-bila masa. Selain itu, kedudukan PDCTS juga stabil kerana berupaya menyelesaikan hutang dan mampu melaksanakan aktiviti PDCTS tanpa bergantung kepada sumber lain.

6.3.13. Analisis aliran tunai PDCTS bagi tahun kewangan 2016 hingga 2018 menunjukkan kedudukan keseluruhan aliran tunai PDCTS adalah positif. Bagaimanapun, pada tahun 2017 aliran tunai menunjukkan penurunan sejumlah RM20.18 juta (68.5%) berbanding tahun 2016. Penurunan ini berlaku apabila PDCTS memberi sumbangan tunai berjumlah RM5 juta kepada Kerajaan negeri serta pembayaran dividen berjumlah RM19.99 juta. Manakala pada tahun 2018, aliran tunai menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.33 juta (14.3%) kepada RM10.61 juta berbanding RM9.28 juta pada tahun 2017.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan PDCTS adalah kukuh di mana PDCTS telah mencatatkan keuntungan bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan PDCTS sebagai penggerak utama bagi sektor infrastruktur telekomunikasi di negeri Pulau Pinang telah dicapai berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan. Tadbir urus korporat PDCTS berada pada tahap kurang memuaskan di mana hanya dua (2) daripada lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat syarikat telah dilaksanakan. Kedudukan kewangan PDCTS berada pada tahap kukuh di mana PDCTS mencatatkan keuntungan bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut. Hasil utama PDCTS iaitu penyewaan menara telekomunikasi juga menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh tersebut. Bagaimanapun, terdapat tunggakan hasil sewaan dan ketidakcapaian sasaran pembinaan menara telekomunikasi seperti yang ditetapkan.

8. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi prestasi PDCTS dan memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah PDCTS perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan PDCTS memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 8.1. meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi semua amalan terbaik terutama mengenai SOP serta peranan dan fungsi Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam;
- 8.2. membuat penambahan dalam perancangan dan pelaksanaan pembinaan struktur menara bagi mencapai sasaran yang ditetapkan;
- 8.3. mewujudkan mekanisma yang berkesan bagi menguruskan tunggakan hasil sewaan struktur menara telekomunikasi;
- 8.4. meningkatkan pematuhan terhadap prosedur perolehan; dan
- 8.5. meningkatkan pemantauan terhadap penyenggaraan struktur menara bagi memastikan kawasan struktur menara dalam keadaan baik.

PENUTUP

PENUTUP

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti kerajaan. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak agensi dan syarikat kerajaan yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran audit yang dibangkitkan dalam LKAN Siri 3 ini. Sebagai rumusan, empat (4) cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
 - a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
 - b. Agensi dan syarikat kerajaan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
 - c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti kerajaan serta pengurusan syarikat kerajaan.
 - d. Agensi Kerajaan Negeri dan Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau aktiviti syarikat kerajaan untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.
2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
14 Mei 2020**



AKRONIM

AKRONIM

APK	Arahan Perubahan Kerja
ARC	<i>Audit Review Committee</i>
BD	Barat Daya
BSC	<i>Balance Score Card</i>
CME	Kejuruteraan Awam, Elektrikal dan Mekanikal
CTO	<i>Chief Technical Officer</i>
CTOS	<i>Credit Tip-Off Service</i>
DCA	<i>Debt Collection Agency</i>
DCR	Resolusi Lembaga Pengarah
EOT	Lanjutan Masa
ICAS	<i>Integrated Computerised Accounting System</i>
IFCA	<i>Information For Competitive Advantage</i>
INTOSAI	<i>The International Organisation Of Supreme Audit Institutions</i>
JAN	Jabatan Audit Negara
JKA	Jawatankuasa Audit
KPI	<i>Key Performance Indicator/Petunjuk Prestasi Utama</i>
LAD	Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan
M&A	Memorandum dan Artikel
MBSP	Majlis Bandaraya Seberang Perai
MCCG	Malaysian Code on Corporate Governance
MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
NOD	<i>Notice Of Demand</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDC	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
PDCPH	PDC Premier Holdings Sdn. Bhd.
PDCTS	PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.
PTSR	Projek Titian Saksama Rakyat
SOP	<i>Standard Operating Procedures</i>
SPH	Skim Pinjaman Harapan
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SPS	Seberang Perai Selatan
SPT	Seberang Perai Tengah
SPU	Seberang Perai Utara
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TL	Timur Laut
USM	Universiti Sains Malaysia



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya, Malaysia
www.audit.gov.my